

BAB KELIMA

GAYA BAHASA PENGULANGAN DALAM SURAH AL-RAHMA:N

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis membincangkan fenomena pengulangan yang berlaku melibatkan ayat yang menjadi tema utama kepada kajian ini. Penulis mendapati setiap pengulangan pada ayat dalam surah al-Rahma:n adalah bagi memenuhi objektif yang telah diuraikan dalam bab yang ketiga iaitu mempelbagaikan bentuk persembahan bagi memberikan penekanan terhadap aspek yang berbeza. Penulis juga membuat perkaitan antara ayat dan kisah dalam surah ini dengan surah-surah yang lain sekiranya perlu.

Pengulangan ayat yang berlaku dalam surah ini mengandungi faedah yang begitu mendalam iaitu membuktikan keagungan kuasa Allah s.w.t, kesempurnaan aturanNya serta keluasan rahmatNya. Itu semua dilihat melalui keluasan ilmuNya, yang ditunjukkan oleh kepelbagaian rupa dan peranan makhluk-makhlukNya juga keserasian serta keindahan ciptaanNya. Peringatan demi peringatan secara berulang-ulang tentang segala anugerah tersebut dibawakan kepada manusia dan jin sebagai makhluk yang menerima tanggungjawab takli:f.

5.1 Pendekatan Kajian

Penulis cenderung membahaskan bab ini menurut pendekatan yang telah digunakan oleh para ahli bahasa seperti al-Suyu:tiyy yang telah membahagikan objektif pengulangan itu

dalam kitabnya Mu'tarak al-Aqra:n fi I'ja:z al-Qur'a:n. Pengulangan seperti yang telah dihuraikan sebelum ini berlaku untuk mengukuhkan berita atau sejarah orang terdahulu agar terus tersemat dalam ingatan. Ia juga bertujuan mengelakkan diri dari lalai. Pengulangan turut berperanan menampakkan kepelbagaian ragam dimensi mesej yang ingin dikemukakan. Kepelbagaian teknik penceritaan mampu memberi kefahaman yang lebih terperinci menyebabkan para pendengar menjadi lebih faham terhadap kandungan yang ingin dikemukakan. Seterusnya kita akan melihat bahawa pengulangan peringatan juga berperanan besar untuk menarik penumpuan pendengar yang sering ditimpa kebosanan. Begitu juga tujuan-tujuan yang lain yang telah penulis jelaskan dalam bab yang ketiga terdahulu akan diserlahkan dalam setiap ayat yang diulang menerusi surah ini.

Penulis akan membincangkan keserasian pemilihan ayat-ayat berulang pada tiga puluh satu ayat yang berulang menerusi surah al-Rahma:n ini. Untuk menonjolkan keindahan gaya bahasa al-Qur'an sekaligus membuktikan kedudukannya sebagai kalamullah yang bersifat sebagai mukjizat yang mengatasi kehebatan karya-karya manusia. Kajian ini turut membuktikan keunggulan al-Qur'an sebagai kitab hidayah yang sangat mengambil berat psikologi manusia agar tidak ditimpa rasa bosan untuk mentadabbur al-Qur'an itu.

Penulis mengambil pendekatan membahagi-bahagikan surah ini kepada bahagian-bahagian yang dinamakan sebagai penggal. Penggal seperti yang

diterjemahkan dalam kamus DBP cetakan tahun 2005 bermaksud kerat atau potong. Tujuan pembahagian kepada penggal adalah untuk mempermudah proses melihat kewajaran pengulangan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebanyak tiga puluh satu kali (31) sebagai mengakhiri senarai nikmat yang terhimpun dalam rangkaian ayat-ayat surah ini. Walaupun pendekatan seperti ini telah biasa diambil oleh para pentafsir, tetapi penumpuan penulis lebih banyak menyentu tentang keserasian perkaitan antara penyebutan tentang nikmat-nikmat dengan gesaan untuk bersyukur menerusi ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) yang datang selepas penyebutan itu. Dalam kajian penulis pendekatan ini belum lagi dilakukan oleh mana-mana para pentafsir.

5.2 Pengenalan Surah al-Rahma:n

Surah al-Rahma:n merupakan surah Makkiyyat menurut pandangan majoriti ulama, antaranya Ibn Jari:r al-Tabariyy, Ibn Kathi:r dan al-Qurtubiyy. Surah ini menduduki tempat yang ke 55 dalam susunan surah-surah dalam al-Qur'an dan terdiri daripada 78 ayat. Menurut al-Qurtubiyy (1994: juz 9: 204) dalam tafsirnya al-Ja:mi' li Ahka:m al-Qur'a:n, pandangan yang mengatakan bahawa surah ini merupakan surah Makkiyyat adalah bersandarkan kepada pandangan 'Abd Alla:h bin Mas'u:d, Muqa:til, al-Hasan, 'Urwaṭ bin al-Zubayr, 'Ikrimat, 'Ata:' dan Ja:bir.

Menurut al-Ma:wardiyy (t.t) dalam sebuah riwayat dari Ibn ‘Abba:s r.a, beliau mengatakan hanya ayat ke-29 sahaja yang merupakan ayat Madaniyyat. Ayat yang dimaksudkan itu ialah:



Maksudnya: “Semua yang ada di langit dan bumi selalu meminta kepadanya. setiap waktu dia dalam kesibukan¹”.

Terdapat juga riwayat yang disandarkan kepada ‘Abd Alla:h bin Mas‘u:d r.a bahawa beliau mengatakan surah ini merupakan surah Madaniyyat. Namun pandangan yang pertama yang mengatakan bahawa surah ini tergolong dalam surah Makkiyat adalah lebih tepat kerana terdapat banyak riwayat yang menyokongnya. Tambahan pula isi kandungannya jelas menitikberatkan persoalan aqidah yang menjadi fokus asas agenda pendidikan Nabi s.a.w semasa berada di bumi Mekah sebelum berlangsungnya hijrah. Ini berbeza dengan ciri-ciri surah Madaniyyat² yang diturunkan selepas hijrah yang lebih bercorak menetapkan hukum hakam sesuai dengan keadaan umat Islam yang sudah menjadi stabil.

Menurut al-Syawka:niyy (1992: Jld 5: 151) dalam kitab tafsirnya Fath al-Qadi:r,

¹ Menurut Ibn Kathi:r (2004: juz 7: 327) dalam tafsirnya Tafsir: al-Qur’a:n al-‘Azi:m, maksud kesibukan itu ialah Allah senantiasa dalam keadaan menciptakan, menghidupkan, mematikan, memelihara, memberi rezki dan lain lain. Perkara ini adalah berpandukan kepada penjelasan Nabi s.a.w dalam sebuah hadith riwayat Ibn Ma:jah (no 167) yang dianggap sebagai hasan oleh Muhammad Nasir al-Di:n al-Alba:niyy.

² Pandangan ini diambil dari kitab Tafsir: Ibn al-Jawziyy yang berjudul Za:d al-Masi:r terbitan Da:r Ihya:’ al-Tura:th al-‘Arabiyy, Beirut , cetakan thn 2002, hlm 1226.

surah ini dinamakan dengan al-Rahma:n sejak zaman Nabi s.a.w. Hal ini bersempena dengan perkataan pertama yang terdapat dalam surah ini. Tambahan pula surah ini merupakan satu-satunya surah yang dimulakan dengan salah satu dari nama Allah s.w.t sesudah Basmalaṭ.

Satu hal yang menarik dari kandungan surat al-Rahma:n adalah adanya pengulangan satu ayat yang berbunyi (فَبِأَيِّ آلَاءِ ِرِّبِّكُمَا تُكذِّبَانِ) yang bermaksud:

“Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?”.

Surah al-Rahma:n bagi penulis adalah surat yang memuatkan unsur-unsur balaghaṭ yang amat tinggi. Perkara ini terbukti jelas menerusi penjelasan berbagai bentuk nikmat yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada kita, lalu di setiap hujungnya Allah bertanya: *“Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?”*. Menarik untuk diperhatikan bahwa Allah menggunakan kata “dusta”; bukan kata “tolak” atau yang sejenis dengannya. Dari sini kita dapat memahami bahawa Allah ingin menunjukkan bahwa nikmat yang Allah berikan kepada manusia itu tidak mampu ditolak kewujudannya oleh manusia. Perkara yang mampu dilakukan oleh manusia adalah sekadar mendustakannya. Dusta berarti menyembunyikan kebenaran. Manusia sebenarnya tahu bahwa mereka telah diberi nikmat oleh Allah, tapi mereka menyembunyikan kebenaran itu, inilah pertanyaan oleh Allah s.w.t yang diulang sebanyak tiga puluh satu kali dalam surat al-Rahma:n ini untuk menunjukkan bahawa

mereka telah sentiasa mendustakannya.

Selain itu keserasian ayat-ayat dalam surah al-Rahma:n ini juga adalah disebabkan padanan akhiran kata dengan partikel (و) pada hampir keseluruhan akhir ayat yang mewujudkan suatu rentak atau ritma yang tersendiri melayakkannya dinamakan sebagai 'Aru:s al-Qur'a:n yang membawa makna pasangan ataupun pengantin al-Qur'an.

Menurut M.Quraish Shihab (2003: jld 13: 491) surah ini diturunkan kerana tanggapan negatif musyrikin Mekah ketika diperintahkan untuk bersujud kepada Allah s.w.t yang bersifat al-Rahma:n, tiba-tiba mereka menolaknya.

Walaupun penulis tidak pasti sumber yang menjadi rujukan M.Quraish Shihab itu. Menerusi pembacaan penulis tidak terdapat seorangpun dari kalangan para ulama yang menulis berkaitan Asba:b al-Nuzu:l yang menyokong pandangan M.Quraish ini. Ini termasuk kitab Asba:b al-Nuzu:l karangan al-Wa:hidhiyy (2003 : 316-318) serta al-'Uja:b fi: Baya:n al-Asba:b karangan Ibn Hajar al-Asqa:la:niyy. Malah kedua ulama ini tidak meletakkan langsung nama surah ini dalam perbahasan yang melibatkan Asba:b al-Nuzu:l.

Mereka yang mampu mensyukuri nikmat-nikmat yang Allah sebutkan dalam surat al-Rahma:n akan mendapat ganjaran pilihan dua jenis surga seperti yang dijelaskan pada bahagian akhir surat al-Rahma:n. Firman Allah s.w.t menerusi dua ayat iaitu ayat

ke 46 yang bermaksud, “*Dan bagi orang yang takut akan saat menghadap Tuhannya akan mendapat dua syurga*”. Ayat yang ke dua memberikan jaminan itu adalah ayat yang ke 62 yang bermaksud: “*Dan selain dari dua surga itu ada dua syurga lagi*”.

Surah ini diakhiri dengan ayat berbentuk pujian kepada Allah s.w.t. yang telah melimpahkan kurniaan-kurniaan yang tidak ada tolok bandingnya. Ayat yang terakhir ini membuat satu kesimpulan yang tepat tentang Allah. Penutupan surah ini telah mewujudkan satu keserasian yang amat rapat dengan permulaannya yang telah dimulakan dengan nama Allah iaitu al-Rahma:n yang bermaksud memiliki rahmat yang menyeluruh buat semua makhluk dalam alam ini.

5.2.1 Kelebihan Surah al-Rahma:n

Terdapat beberapa hadith yang diriwayatkan menunjukkan kelebihan surah ini. Sebagai contohnya, Ibn Kathi:r (2000:1343) mengemukakan menerusi tafsirnya Tafi:r al-Qur’a:n al-‘Azi:m dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiyy, Ibn al-Mundhir, Abu: al-Syaikh, al-Haki:m yang menganggapnya sebagai sahi:h dari Ja:bir bin ‘Abd Alla:h bahawa Nabi s.a.w telah membacakan surah al-Rahma:n kepada para sahabat. Lalu mereka berdiam diri. Nabi s.a.w telah bersabda: “*Mengapakah kulihat kamu hanya mendiamkan diri sedangkan aku telah membacakannya kepada golongan jin pada malam aku bertemu mereka, lalu mereka telah menjawab setiap kali aku sampai pada ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ)*: “*Tiada satu nikmatMu wahai Tuhan kami yang kami dustakan, bagiMu segala pujian*”. Hadith ini juga dianggap sahi:h oleh al-

Suyu:tiyy.

Al-Syawkaniyy (1992:5:151) dalam kitab tafsirnya Fath al-Qadi:r pula telah mengemukakan sebuah hadits yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqiyy dalam al-Syu‘ab dari ‘Aliyy r.a bahawa Nabi s.a.w telah bersabda yang bermaksud: “*Setiap perkara ada pasangannya, dan pasangan kepada al-Qur'an adalah surah al-Rahma:n*”.

Memperjelaskan isu pasangan (‘aru:s) ini al-Suyu:tiyy (2003:2:304) dalam kitab al-Itqa:n mengatakan bahawa ini merujuk pada pujian Nabi untuk surah yang mulia ini. Ia bukanlah merupakan nama lain buatnya.

Ibn ‘A:syu:r (2000:27:214) dalam tafsirnya al-Tahri:r wa al-Tanwi:r pula mengatakan bahawa perkataan ‘aru:s yang dimaksudkan oleh Nabi merujuk pada keindahan yang dimiliki oleh sesuatu. Orang-orang Arab mengatakan perhiasan yang berada di atas badan unta sebagai ‘ara:’is al-ibil. Demikian halnya apabila disebut merujuk kepada keindahan al-Qur’an yang diserlahkan oleh surah al-Rahma:n menerusi ilustrasi nikmat-nikmat yang diperuntukkan Allah dalam syurga.

5.2.2 Tafsiran Surah Al-Rahma:n

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini penulis hanya akan memberikan penekanan kepada ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ): “*Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat*

Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Ayat ini merupakan suatu bentuk pertanyaan (istifha:m) yang dimulakan dengan kata nama (أَيُّ) yang membawa makna yang mana satu. Menurut Asmah Haji Omar (1993:388) ayat tanya merupakan ayat yang memerlukan kepada jawapan. Walaubagaimanapun dalam ilmu bala:ghat tujuan sesuatu pertanyaan itu boleh keluar dari makna asalnya kepada makna yang lain. Perkara ini dapat difahami melalui susunan perkataan ataupun konteksnya. Para ulama bala:ghat seperti ‘Aliyy al-Jari:m dan Mustafa: Ami:n (1951:199) menjelaskan makna yang lain itu adalah merangkumi النَّفْيِ/al-Nafi (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menafikan sesuatu), الْإِنْكَارُ/al-Inka:r (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menyangkal sesuatu), التَّقْرِيرُ/al-Taqri:r (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk mendapatkan pengakuan daripada orang yang ditanya), التَّوْبِيخُ/al-Tawbi:kh (gaya bahasa tanya yang bertujuan mengejek atau mencela), التَّعْظِيمُ/al-Ta‘zi:m (gaya bahasa tanya yang bertujuan mengagungkan atau membesar-besarkan), التَّحْقِيرُ/al-Tahqi:r (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menghina), الْإِسْتِطَاءُ/al-Istibta:’ (gaya bahasa tanya untuk melahirkan keresahan kerana kelambatan sesuatu yang diharapkan), التَّعْجُبُ/al-Ta‘ajjub (gaya bahasa tanya yang bertujuan menunjukkan kehairanan terhadap perkara yang ditanya), التَّسْوِيئَةُ/al-Taswiyyat

(gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menunjukkan persamaan di antara dua perkara), التَّمَنِّيّ/al-Tamanni: (gaya bahasa tanya yang bertujuan harapan yang mustahil ataupun susah untuk dicapai) dan التَّشْوِيقُ/al-Tasywi:q (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menarik minat pendengar terhadap apa yang ditanya).

Menurut Fadl Hasan ‘Abba:s (1992: 202) menjelaskan bahawa kadang-kadang berlaku pertindanan ataupun percampuran antara makna-makna yang tersirat di sebalik bentuk-bentuk pertanyaan dalam masa yang sama. Sesuatu gaya bahasa tanya itu mungkin berbentuk التَّفْرِيرِ/taqri:r (bertujuan untuk mendapatkan pengakuan daripada orang yang ditanya) dan dalam masa yang sama ia juga merupakan التَّوْبِيحُ/tawbi:kh (bertujuan mengejek atau mencela) ataupun ia adalah gaya bahasa tanya yang mengandungi maksud التَّفْرِيرِ/taqri:r (bertujuan untuk mendapatkan pengakuan daripada orang yang ditanya) dan dalam masa yang sama ia bermaksud التَّعْجُوبُ/al-ta‘ajjub (bertujuan menunjukkan kehairanan terhadap perkara yang ditanya).

Inilah yang berlaku kepada ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ): “Maka yang mana satu diantara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?” yang diulang pada tiga puluh satu tempat sepanjang surah al-Rahma:n ini apabila gaya bahasa tanya

yang diajukan adalah bertujuan menghitung nikmat-nikmatNya, mengingatkan kedua-dua golongan jin dan manusia tentang kekuasaan Allah s.w.t dan pertimbanganNya dan menjadikan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebagai pembahagi kepada penggal-penggal yang berupa huraian kepada nikmat dan kekuasaan itu. Setiap kali ayat ini diulang ia mengandungi makna الْإِنكَارُ/ al-Inka:r (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk menyangkal sesuatu) dan dalam masa yang sama ia mengandungi makna التَّوْبِيخُ/al-Tawbi:kh (gaya bahasa tanya yang bertujuan mengejek atau mencela).

Pengulangan ayat ini adalah untuk menyangkal sifat syukur manusia dan jin. Selain itu pengulangan ayat yang berbentuk pertanyaan ini juga mengandungi makna celaan terhadap karakter mereka yang seringkali kufur terhadap nikmat-nikmat Allah s.w.t.

Menurut al-Samarqandiyy (1993:3:304) Kata Nama (ءالآ) yang terdapat dalam ayat yang berulang ini ditafsirkan oleh sebahagian pakar sebagai anugerah yang jelas. Menurut para ahli bahasa, contohnya al-Asfaha:niyy (1997:84) ia adalah bentuk Jamak dari perkataan (إِلَى) *ilan* ataupun (أَلَا) *alan*.

Ibn Manzu:r (1994:14:43) pula menambah satu lagi Kata Tunggal bagi Kata Jamak (ءالآ) , bahawa di samping (إِلَى) *ilan* ataupun (أَلَا) *alan* , bahawa orang-orang

Arab turut menggunakan (إِلَى) *ilyun*.

Majoriti para ahli bahasa seperti al-Zajja:j (2007:4:193), al-Zamakhshariyy (1995:4:432), Ibn Manzu:r (1994:14:43) dan al-Asfaha:niyy (1997:84) bersependapat mengatakan bahawa perkataan(ءالآ) bermaksud (نِعْمٌ) iaitu nikmat-nikmat.

Ibn Kathi:r (1990:1343) membawakan satu pandangan dari Muja:hid ,bahawa yang dimaksudkan dengan (ءالآ) itu adalah nikmat yang jelas nyata dikurniakan Allah s.w.t yang tidak mampu dinafikan.

Penggunaan kata ini adalah disebabkan anugerah dan nikmat itu merupakan perkara-perkara yang khusus yang hanya dimiliki oleh Allah s.w.t yang tidak boleh diberikan oleh sesiapapun. Nikmat-nikmat yang dinyatakan dalam surah ini mengikut penggal-penggal yang akan dihuraikan adalah milik mutlak Allah.

Para ulama berbeza pandangan tentang kepada siapa ayat ini ditujukan dengan arahan yang ditujukan kepada dua itu. Sebahagian mereka berpendapat bahawa ia ditujukan kepada lelaki dan perempuan, atau mukmin dan kafir. Ada juga yang berpendapat bahawa bentuk dua itu adalah pengganti pengulangan perkataan itu dua kali. Kedua pandangan ini merupakan pandangan yang kurang masyhur.


Majoriti ulama menyatakan bahawa ia ditujukan kepada jin dan manusia.

Sebagai tambahan bahawa terdapat sebuah riwayat yang telah dijelaskan bahawa Nabi s.a.w menegur para sahabat yang hanya mendiamkan diri ketika dibacakan ayat (فَيَأْتِي آلَهُ)

(تُكذِّبَانِ رَبِّكُمْ). Baginda s.a.w memuji golongan jin Islam yang menyambut setiap seruan

Allah itu dengan berkata: *“Tiada satupun dari nikmatMu, wahai Tuhan kami yang kami ingkari, maka segala puji bagiMu”*.

Dalam firman Allah menerusi surah al-Dha:riya:t ayat ke 56, Allah s.w.t turut menjelaskan tujuan penciptaan jin dan manusia adalah untuk beribadah kepadaNya, firmanNya :



Maksudnya: *“Dan tidaklah aku menciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaKu”*.

Demikian lagi, sebagai sokongan kepada pandangan ini, sebuah surah yang khusus dengan nama surah al-Jinn telah diturunkan Allah s.w.t kepada nabi s.a.w sebagai bukti bahawa tanggungjawab menyembah dan beribadah kepada Allah s.w.t juga turut dikenakan kepada golongan jin sebagaimana ia dipertanggungjawabkan kepada manusia. Menerusi surah al-Jinn itu Allah s.w.t telah mewahyukan kepada nabi s.a.w untuk menyeru mereka kepada Islam, menyebabkan sebahagiannya telah beriman manakala sebahagiannya kekal dalam kekufuran.

Maksudnya: “(Tuhan) Yang Maha Pemurah serta melimpah-limpah rahmatNya. Dia lah yang telah mengajarkan al-Qur’an. Dia lah yang telah menciptakan manusia; - Dia lah yang telah membolehkan manusia memberi dan menerima kenyataan. Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu; Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturanNya. Dan langit dijadikannya (membumbung) tinggi, serta Ia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan, Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan; Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang. Dan bumi pula dijadikannya rata untuk kegunaan manusia dan makhluk-makhlukNya yang lain: Terdapat padanya berbagai jenis buah-buahan dan pohon-pohon kurma yang ada kelopak-kelopak mayang; Demikian juga terdapat biji-bijian yang ada jerami serta daun, dan terdapat lagi bunga-bunga yang harum; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan (wahai umat manusia dan jin)?”.

Allah s.w.t memilih untuk memulakan surah ini dengan nama al-Rahma:n yang merujuk kepada kesempurnaanNya dalam menganugerahi makhluk terutamanya manusia berbagai nikmat.

Menurut Ibn Jawziyy (2002:1377) dalam kitab tafsirnya Za:d al-Masi:r dan Muhammad al-Andalu:siyy (2002:1799) dalam tafsirnya al-Muharrar al-Waji:z, perkataan (الأَكْنَام) dalam ayat ke-10 merujuk kepada 3 makna samada manusia, ataupun setiap yang bernyawa ataupun jin dan manusia. Pandangan pertama merupakan

pandangan ‘Ikrimat dari Ibn ‘Abba:s. Pandangan kedua pula disandarkan kepada al-‘Awfiyy, Muja:hid, Qata:dat, al-Suddiyy dan al-Farra:’ sementara pandangan yang ketiga diperolehi dalam sebuah riwayat dari al-Hasan dan al-Zajja:j.

Dalam bahagian yang pertama dari surah ini Allah s.w.t menyenaraikan tanda-tanda kekuasaanNya antaranya ialah mengajar al-Qur’an, kejadian manusia, kemampuan mereka berkomunikasi, penciptaan matahari dan bulan mengikut peraturan yang ditetapkan serta kejadian bumi dalam bentuk hamparan untuk mempermudah pergerakan makhluk.

Mungkin kita akan terkejut mendapati bahwa hal pertama yang disebut sebagai nikmat Allah yang tidak layak kita dustakan adalah nikmat al-Qur’an. Al-Qur’an merupakan nikmat pertama yang Allah sebutkan dalam surat al-Rahma:n, sebelum menyebutkan nikmat-nikmat lain untuk kemudian diakhiri dengan pertanyaan: “*Maka nikmat Tuhan yang mana lagi yang kamu dustakan?*”.

Al-Ma:wardiyy (t.t:5:437) dalam kitab tafsirnya menjelaskan maksud Allah telah mengajarkan al-Qur’an sebagai sebuah nikmat ilahi. Menurut beliau, ini disebut nikmat karena Allah telah memudahkan untuk mengajarkan al-Qur’an ini ke seluruh manusia. Ini juga diperjelaskan oleh firman Allah s.w.t yang lain menerusi ayat ke-17 surah al-Qamar yang bermaksud: “*Dan sesungguhnya telah kami mudahkan al-Qur’an itu untuk peringatan. Maka adakah orang yang mahu memikirkan?*”.

Dengan sebab itu, kita wajib bersyukur atas nikmat yang Allah berikan sehingga terasa mudah bagi kita membaca al-Qur'an.

Dari sini jelas kepada kita ketepatan pemilihan sifat al-Rahma:n untuk memulai surah ini. Semua ini terhimpun dalam satu kombinasi yang sempurna supaya manusia memperakui pemberian nikmat-nikmat ini.

Menurut al-Baghda:diyy (2007:4:191) kebanyakan para ulama menterjemahkan Kata Nama (النَّجْمُ) itu sebagai pokok-pokok yang menjalar, berbeza dari Kata Nama (الشَّجَرُ) yang bermaksud pokok-pokok yang mempunyai batang yang keras.


Ekoran dari berbagai bentuk gambaran nikmat yang diberikan kepada manusia dan jin maka Allah mengingatkan mereka agar jangan mereka nafikan. Maka itulah sebabnya Allah s.w.t menutup tirai senarai nikmat-nikmat itu dengan firmanNya:



Maksudnya: *“Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”*.

Jadi dalam penggal yang pertama ini nyata bagi kita gaya bahasa tanya ini diajukan untuk mendapatkan kepastian terhadap tahap kesyukuran mereka dan dalam masa yang sama ia ditujukan sebagai sangkalan dan celaan sekaligus (الإِنكَارُ / التَّوْبِيخُ).

Penggal yang kedua:



Maksudnya: “*Ia menciptakan manusia (lembaga A:dam) dari tanah liat kering seperti tembikar, Dan Ia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?*”.

Al-Andalu:siyy (2002:1800), Allah s.w.t mengulangi frasa (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا

تُكذَّبَانِ) untuk kali yang kedua ini adalah bertujuan untuk memberikan peringatan

kepada golongan manusia dan jin. Ia merupakan suatu gaya pengucapan yang masyhur dalam pendekatan al-Qur’an, al-Hadi:th dan ujaran orang-orang Arab. Ibn Qutaybat̄ pula berpendapat bahawa pengulangan ini berlaku kerana perbezaan bentuk nikmat yang dianugerahkan. Al-Husayn bin al-Fadl mengatakan bahawa pengulangan itu penting untuk penegasan dan menghindari dari kelalaian.

Pandangan yang sama juga dapat kita lihat dalam huraian oleh al-Baghawiyy (2002:1257) menerusi tafsirnya Ma’a:lim al-Tanzi:l. Menurut beliau pendekatan ini juga selalu berlaku dalam komunikasi harian. Sebagai contoh, kata-kata yang diucapkan oleh

seseorang kepada sahabatnya yang telah diperlakukannya dengan baik: *“Bukankah engkau dahulunya merupakan seorang yang miskin lalu aku bantu hingga menjadi kaya?. Bukankah engkau dahulunya tidak berpakaian lalu aku pakaikan pakaian untukmu?. Jadi pendekatan Allah dalam ayat bertujuan memberikan peringatan kepada manusia secara berulang-ulang setiap kali menyenaraikan nikmat-nikmat itu agar mereka menjadi orang yang bersyukur”*.

Menurut al-Ra:ziyy (2002:juz 30:98), Allah s.w.t mengulangi menyebut nikmat kejadian dalam penggal ini untuk memberikan huraian. Jika diteliti pendapat al-Ra:ziyy ini, kita akan dapati kebenarannya kerana penciptaan manusia ini disebut oleh Allah secara berulang-ulang dalam deskripsi yang berbeza-beza menerusi ayat-ayat dalam surah-surah yang berlainan.

Hakikatnya Allah s.w.t telah mengulangi gambaran kejadian manusia dalam surah-surah yang berlainan supaya manusia menyedari kepentingan bersyukur kerana kejadian mereka sendiri merupakan suatu nikmat yang tiada tolok bandingnya. Peringkat-peringkat kejadian itu pula adalah berbeza antara satu dengan yang lain kerana setiap satu daripadanya merupakan proses yang unik yang melibatkan kombinasi berbagai komponen. Ini bermula dari pengumpulan tanah (تُرَابٌ). Tanah yang sifatnya senang diurai kemudian melalui proses percampuran dengan air menjadikannya tanah liat (طِينٌ). Tanah liat ini kemudiannya dibakar agar bertukar sifatnya menjadi

kekeringan (صَلْصَالٌ كَالْفَحَّارِ). Ini merupakan kejadian manusia yang pertama iaitu Nabi A:dam a.s. Ciptaan keturunan manusia yang berikutnya pula adalah dari air mani (نُطْفَةٌ/مَنِيٌّ).

Jadi pengulangan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) untuk kali yang kedua dalam kelompok ayat ini bertujuan mengengkari sikap manusia yang kerap melupai nikmat kurniaan Allah s.w.t. Pengulangan ini berada dalam kategori al-Itna:b iaitu huraian di bawah gaya bahasa tanya yang berlaku memastikan responden mensyukuri nikmat. Gaya bahasa tanya ini masih lagi mengandungi maksud menyangkal dan mencela (الإِنْكَارُ/التَّوْبِيخُ) sikap acuh dan tidak acuh yang terdapat pada ramai manusia.

Penggal yang ketiga:



Maksudnya: “(Dia lah) Tuhan yang mentadbirkan dua timur, dan Tuhan yang mentadbirkan dua barat. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut Zakariyya: al-Ansa:riyy (1987:343-344), Allah s.w.t telah mengulangi menyebut perkataan Tuhan (الرَّبُّ) dalam ayat yang ke-17 bertujuan untuk penegasan

kepada kedua-dua golongan manusia dan jin bahawa dengan kehendak Allah s.w.t terciptanya makhluk-makhluk yang terdapat di alam ini.

Al-Asfaha:niyy (1997: 451) menjelaskan bahawa perkataan (المَشْرِقَيْنِ وَالْمَغْرِبَيْنِ) merujuk pada permulaan musim sejuk dan musim panas di penghujung kedua musim itu.


Ibn Manzu:r (1990: 10: 175) menjelaskan bahawa perkataan (المَشْرِقَيْنِ وَالْمَغْرِبَيْنِ) bermaksud timur dan barat. Demikian juga Ibra:him Ani:s (t.t) yang sependapat dengannya bahawa (المَشْرِقَيْنِ وَالْمَغْرِبَيْنِ) bererti arah timur dan barat.

Menurut Ibn ‘A:syu:r (2000:27:231), perkataan Timur dan Barat itu disandarkan kepadaNya bagi menampakkan kekuasaanNya mentadbir kedua tempat itu secara mutlak.

Dalam al-Tafsi:r al-Muntakhab yang disusun oleh para ulama kontemporari dari Mesir, ayat ini diulas sebagai berikut:

“Apa yang dimaksudkan oleh Allah dalam ayat ini ialah dua tempat terbit dan terbenamnya matahari dan bulan pada musim panas dan sejuk”.

Ayat ini menggambarkan fenomena kejadian malam dan siang yang turut disebut oleh Allah dalam firmanNya menerusi surah al-Qasas ayat ke 71-73:



Maksudnya: “Katakanlah: “Bagaimana pikiran kamu jika Allah menjadikan malam kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan cahaya yang menerangi kepada kamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)? katakanlah lagi: Bagaimana pikiran kamu jika Allah menjadikan siang kepada kamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan yang manakah yang lain dari Allah, yang dapat membawakan malam kepada kamu untuk kamu berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)? Dan di antara rahmat pemberianNya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah

kurniaNya, dan juga supaya kamu bersyukur”.


Ternyata pandangan yang diberikan oleh para penulis tafsir al-Muntakhab ini lebih jelas iaitu matahari mempunyai dua tempat terbit dan tempat terbenam yang berbeza. Demikian juga bulan turut mempunyai dua tempat terbit dan terbenam yang berlainan. Tempat terbit yang pertama ialah pada musim panas dan tempat terbit yang ke dua pada musim sejuk. Fenomena terbit dan terbenamnya matahari pada dua tempat ini disebabkan oleh kecondongan garis edar bumi selama mengelilingi matahari sekitar 523.5 darjah. Oleh itu belahan utara Bumi condong ke arah matahari pada musim panas hingga mengakibatkan siang menjadi lebih panjang dari malam. Setelah itu kembali sedikit demi sedikit dari hari ke hari hingga mencapai garis lurus pada musim gugur. Belahan bumi ini kemudian berpaling meninggalkan arah matahari yang mengakibatkan malam menjadi lebih panjang dari siang. Begitulah seterusnya bumi terus berpusing dalam orbitnya ke arah selatan sampai kepada titik yang paling selatan pada musim dingin. Setelah itu bumi berpusing kembali ke arah utara kembali sedikit demi sedikit menyebabkan peredaran yang demikian pula berlaku pada pergerakannya yang berlainan ini. Peredaran yang demikian sudah tentunya mengandungi hikmah dan manfaat yang hebat buat manusia. Contohnya, peredaran ini menyebabkan kita dapat menikmati musim yang berbeza dengan cuaca, aktiviti dan hasil buah-buahan yang berbeza.

Penutup penggal ini Allah s.w.t sekali lagi mengingatkan manusia supaya jangan lupa mensyukuri nikmat ketetapan terbitnya matahari dan terbenamnya ini. Sekali lagi

gambaran nikmat ini diakhiri dengan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ). Gaya bahasa pengulangan ini masih lagi dalam kategori gaya bahasa tanya yang berbentuk mencela dan menyangkal (الإنكار / التوبيخ) . Gaya bahasa tanya di sini mengkehendaki dari mereka agar bersyukur dengan nikmat tersebut seolah-olahnya menekankan kepada mereka, adakah kamu memerhatikan waktu terbitnya matahari samada pada musim sejuk atau panas? Sudahkah kamu bersyukur atas ketetapanNya itu?.


Jelas ia memerlukan pertanyaan yang khusus kerana kelainan yang benar-benar terdapat pada nikmat ini. Ia berbeza daripada nikmat-nikmat yang telah disebutkan ataupun yang akan disebutkan dalam ayat-ayat berikut kelak.

Penggal yang keempat:




Maksudnya: “Ia biarkan air dua laut (yang masin dan yang tawar) mengalir, sedang keduanya pula bertemu; Di antara keduanya ada penyekat yang memisahkannya, masing-masing tidak melampaui sempadannya”.

Menurut al-Syanqi:tiyy (1996:7:492) dalam tafsirnya, ayat ini ditafsirkan oleh ayat ke 12 surah Fa:tir:



Maksudnya: “Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum, sementara yang satu lagi masin lagi pahit. Dan (kedua-duanya itu berfaedah kepada kamu): dari tiap-tiap satunya kamu dapat makan daging yang lembut - hidup-hidup, dan dapat pula kamu mengeluarkan benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya”.

Di samping ayat yang dikemukakan oleh beliau hakikat nikmat ini juga diperjelaskan oleh Allah s.w.t dalam ayat ke 53 surah al-Furqa:n:




Maksudnya: “Dan Dia lah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga, dan yang satu lagi masin lagi pahit; serta Ia menjadikan antara kedua-dua laut itu sempadan dan sekatan yang menyekat percampuran keduanya”.

Dapatlah difahami dari keterangan-keterangan berupa sokongan dari ayat-ayat di atas, Allah s.w.t menjadikan sifat air laut dan sungai yang berbeza dengan tujuan untuk membekalkan kepada manusia keperluan yang berbagai yang terdapat di sebaliknya. Sebagai contohnya perhiasan seperti mutiara yang diperolehi dari dalam hidupan laut. Demikian pula ikan yang mereka perolehi dari kedua sumber tersebut juga mempunyai rasa yang berbeza agar manusia dapat memenuhi selera mereka bagi mengelakkan dari perasaan jemu menikmati citarasa yang sama sentiasa. Nikmat-nikmat ini disebutkan oleh Allah dengan tujuan memberikan kesedaran supaya manusia bersyukur atas nikmat-nikmat itu.

Gaya bahasa pengulangan ini juga dalam dalam kategori gaya bahasa tanya yang berbentuk mencela dan menyangkal (الإِنكَارُ/التَّوْبِيحُ). Gaya bahasa tanya di sini mengkehendaki dari mereka agar bersyukur dengan nikmat tersebut seolah-olahnya menekankan kepada mereka, sudahkah kamu memerhatikan nikmat kejadian air laut yang berkeadaan masin dan air sungai yang rasanya tawar? Sudahkah kamu bersyukur atas itu?.

Penggal ini berbeza daripada yang sebelumnya kerana yang sebelumnya menceritakan tentang nikmat penjagaan Allah s.w.t terhadap matahari dan bulan sedangkan yang ini menceritakan tentang air. Maka ia memerlukan pertanyaan baru kerana nikmat yang berbeza itu.

Penggal yang kelima :



Maksudnya: “*Dari kedua-dua laut itu pula, keluar mutiara dan marjan; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?*”.

Menurut al-Qurtubiyy (994:juz17:148-149) dalam tafsirnya al-Ja:mi‘ li Ahka:m al-Qur’a:n, Na:fi‘ dan Abu: ‘Amr membaca dengan kasus hadapan bagi huruf Ya:’ dan kasus atas bagi huruf Ra:’ (يُخْرِجُ). Walaubagaimanapun majoriti dari mereka membaca dengan kasus di atas bagi huruf Ya:’ dan kasus di hadapan bagi huruf Ra:’.

Para ulama bahasa berbeza pandangan terhadap dua perhiasan yang dinyatakan Allah dalam ayat ini. Ibn ‘Abba:s berpendapat lazimnya sesuatu yang lebih berharga akan disebut terlebih dahulu. Al-Suyu:tiyy (2001:7:235) menjelaskan dalam tafsirnya al-Durr al-Manthu:r bahawa Ibn ‘Abba:s, Qata:dat, al-Dahha:k dan al-Farra:’ membezakan antara permata dan al-Marja:n. Menurut mereka permata mempunyai saiz yang lebih besar berbanding dengan al-Marja:n yang saiznya lebih kecil.

Muhammad al-Ansa:riyy (1994:juz 17:149) menyokong pandangan yang mengatakan bahawa al-Lu’lu’ (اللؤلؤ) merujuk kepada permata sementara al-Marja:n

(المَرْجَانُ) pula merupakan permata yang lebih kecil. Menurut beliau pandangan ini adalah berasal dari penjelasan ‘Aliyy bin Abi: Ta:lib dan ‘Abd Alla:h bin ‘Abba:s.

Penulis telah merujuk beberapa kitab tafsir ulama silam dan moden lalu mendapati pandangan ini juga merupakan pandangan kebanyakan ulama mufassirin dari kalangan salaf dan khalaf seperti Ibn Kathir, al-Suyu:tiyy, Muhammad bin ‘Aliyy al-Syawka:niyy, Muhammad al-Ta:hir bin ‘A:syu:r dan Muhammad ‘Aliyy al-Sa:bu:niyy dalam tafsir masing-masing.

Seterusnya penulis juga telah merujuk kamus-kamus seperti Mukhta:r al-Siha:h, al-Mu’jam al-Wasi:t dan Lisa:n al-‘Arab untuk memastikan makna sebenar bagi perkataan al-Marja:n (المَرْجَانُ). Ternyata semua mereka menterjemahkannya sebagai

صِعَارُ اللُّؤْلُؤِ

Maksudnya : *Permata yang kecil*

Menerusi perbincangan ini jelaslah kepada kita kehebatan nikmat Allah kepada hamba-hambaNya menciptakan permata untuk manusia gunakan samada untuk tujuan hadiah, perhiasan dan perniagaan.

Memang amat wajar apabila Allah s.w.t meletakkan dalam penggal ini ayat (فَبِأَيِّ

آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebagai satu peringatan yang diperkukuhkan memandangkan nikmat ini

berlainan sifatnya dari nikmat-nikmat yang terdahulu dan terkemudian. Pengulangan ini juga termasuk dalam kategori gaya bahasa tanya jenis berbentuk mencela dan menyangkal (الإِنكَارُ / التَّوْبِيحُ). Gaya bahasa tanya di sini memperingatkan mereka apakah mereka telah bersyukur dengan nikmat perhiasan yang berbeza sifat dan keadaan ini? Sudahkah kalian bersyukur atas ketetapanNya itu?

Nikmat perhiasan juga berbeza dari nikmat sebelumnya yang berkaitan dengan keadaan air yang tawar atau masin dengan ikan yang terdapat pada keduanya. Ini tidak mempunyai kesamaan sama sekali dengan nikmat perhiasan berupa mutiara keluaran laut daripada hidupan laut itu sendiri dengan mutiara sungai yang dihasilkan oleh makhluk dalam sungai.

Penggal yang keenam:




Maksudnya: “Dan Dia lah yang menguasai kapal-kapal yang belayar di laut, yang kembang tertinggi layarnya seperti gunung-ganang; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut al-Qurtubiyy (1994:juz17:149) daripada Muja:hid beliau menjelaskan kapal yang dimaksudkan oleh Allah dalam ayat di atas adalah kapal yang memiliki

layar. Kapal yang tidak menaikkan layar tidak termasuk dalam kategori yang dimaksudkan olehNya. Penulis telah memastikan pandangan ini menerusi kamus Mukhta:r al-Siha:h (1989) dan kamus al-Mu‘jam al-Wasi:t (t.t).

Menurut al-Sa:bu:niyy (t.t :3:297), walaupun kenderaan-kenderaan yang lain juga merupakan nikmat, namun hanya kapal yang difokuskan dalam ayat ini kerana pelayaran merupakan nikmat Allah yang tiada tolok bandingnya. Ketika dalam pelayaran mereka akan bergantung harap sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Perkara ini dapat dilihat menerusi firman Allah dalam surah Yu:nus ayat 24:



Maksudnya: “Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan);


sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur".

Dalam ayat ini jelas menampakkan pengiktirafan manusia terhadap nikmat menaiki kapal di lautan. Walaupun ayat ini masih lagi berkisar sekitar nikmat lautan, namun anugerah melayari lautan dengan kapal yang menggunakan layar untuk memenuhi berbagai hajat tentunya berlainan dari nikmat-nikmat lain yang telah disebut sebelum ini. Pelaut ataupun pelayar memperolehi manfaat yang berbeza daripada apa yang diperolehi oleh penyelam mutiara. Ternyata ia merupakan dua nikmat yang berbeza.

Justeru apabila Allah s.w.t mengakhiri penggal ini dengan pengulangan ayat (أَلَا رَبُّكُمْ تَكْذِبَانَ فَيَائِي) ia bertujuan mengingatkan manusia dan jin supaya mengerti kepentingan syukur pada nikmat belayar. Pertanyaan ini masih lagi berbentuk gaya bahasa tanya yang mengandungi mencela dan menyangkal (الإنكار/التوبيخ). Gaya bahasa tanya di sini memberitahu mereka kepentingan bersyukur dengan nikmat pelayaran, dan

sebelum itu kepentingan bersyukur kerana diberikan ilham membuat kapal untuk kepentingan pelayaran dan pengangkutan. Tanpa adanya ilham membuat kenderaan di air seperti ini, maka tentunya perhubungan antara manusia menjadi amat terbatas. Jadi Allah s.w.t menetapkan penggal ini mesti berakhir dengan soal jawab lagi, sudahkah kamu bersyukur atas nikmat yang hebat ini yang berbeza daripada yang lalu.

Penggal yang ketujuh :



Maksudnya: “*Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa: Dan akan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?*”.

Al-Syawka:niyy (1992:5:157-158) menjelaskan bahawa ayat ini menggambarkan tentang sifat Allah yang berkekalan sedangkan makhluk semuanya akan hancur apabila tiba masanya. Kematian merupakan satu nikmat buat orang yang beriman kerana mereka akan menemui kekasih mereka. Jadi perkara ini juga merupakan nikmat buat mereka yang menyebabkan timbulnya rasa syukur. Al-Nasafiyy (2000:1193) juga menyokong penjelasan al-Syawka:niyy dalam tafsirnya.

Menurut al-Qurtubiyy (1994:juz17:148), apabila ayat ini difirmankan oleh Allah,

maka para malaikat telah mengatakan sesama mereka : “*Penduduk dunia akan hancur!*”

Allah lantas menurunkan firmanNya menerusi ayat ke 88 surah al-Qasas:



Maksudnya: “*Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah*”.

Ayat ini menjadi satu ketetapan yang muktamad bahawa setiap makhluk pasti merasai kematian. Muqatit menjelaskan : “Perkara yang perlu kita syukuri dalam ayat ini adalah nikmat persamaan kita dan makhluk-makhluk yang lain seperti contohnya malaikat”.

Al-Samarqandiyy (1993:3:307) telah mengemukakan pandangan yang lebih jelas iaitulah: “Allah menutup penggal ini dengan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebagai memberikan gambaran kepada kamu bahawa hanya Allah s.w.t sahaja yang akan menolong kamu, maka hendaklah kamu bertawakkal kepadaNya. Semua makhluk tidak akan mampu memberikan pertolongan kepada kamu kerana mereka semuanya akan berakhir. Hanya Allah s.w.t sahaja yang bersifat kekal selepas kehancuran semua makhluk. Sehubungan dengan itu Allah s.w.t mempersoalkan tindakan manusia dan jin yang engkar terhadap nikmat ini.


Kesimpulan yang dapat kita lakukan menerusi pandangan-pandangan para ulama ini ialah Allah s.w.t memperingatkan kita keperluan agar sentiasa mensyukuriNya dan

beribadah kepadaNya. Bagi orang-orang yang beriman apabila mereka membaca ayat ini lantas mereka mempersiapkan diri agar terselamat dari kemurkaan Allah s.w.t. Mereka akan bergembira untuk kembali kepada Allah s.w.t dan bersedia untuk menghadapi kematian. Ini berbeza dari sikap orang-orang kafir yang tidak mentaatiNya, maka mereka akan dikenakan azab siksa yang dahsyat di akhirat kelak.

Sehubungan dengan itu kita dapat memahami kewajaran pengulangan ayat (فَيَأْتِي) (أَلَا رَّبُّكُمْ تُكذِّبَانِ) dalam penggal ini. Walaupun manusia diingatkan dengan kematian, namun matlamatnya adalah agar manusia membuat persediaan menghadapi kematian itu. Makluman ini amat menguntungkan golongan beriman kerana mereka akan menjadi lebih bersedia.

Pengulangan ini juga termasuk dalam kategori Gaya bahasa yang berulang ini masih lagi dalam kategori berbentuk mencela dan menyangkal (الإِنْكَارُ / التَّوْبِيخُ). Gaya bahasa tanya di sini seolah-olah memberikan amaran kepada mereka agar jangan lalai dengan nikmat kehidupan kerana kelak kamu akan binasa. Jadi sebelum kamu menyesal pada waktu yang sudah tidak berguna penyesalan, maka bersiap sedialah kamu untuk menempuh kematian yang merupakan satu kepastian yang telah ditetapkan. Apakah kamu memahami dan bersyukur atas peringatanKu ini? Jadi pengulangan ini perlu kerana kelainan mesej yang dikandunginya.

Penggal yang kelapan:



Maksudnya: “*Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepadaNya. Tiap-tiap masa Ia di dalam urusan (mencipta dan mentadbirkan makhluk-makhlukNya)! Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan)?”*”.

Menurut Ibn ‘Aji:bat (2002:7:273-274) menjelaskan bahawa semua makhluk termasuk para malaikat, jin dan manusia sentiasa mengharap kepada Allah s.w.t. Semua mereka meminta kepada Allah s.w.t hajat masing-masing.

Menurut al-Syawka:niyy (1992:5:157-158) pula, makhluk yang berada di bumi memohon rahmat dan rezeki dari Allah. Para malaikat pula memohon rahmat dariNya. Beliau mengatakan bahawa pandangan ini berasal dari Abu: Sa:lih dan Muqa:til.

Abu: al-Su‘u:d (1999:6:178) menjelaskan bahawa Allah s.w.t berkuasa untuk menjadikan makhluk atau melupuskannya. Apabila makhluk itu sudah ditetapkan untuk hidup maka dia sentiasa memerlukan bantuan dari Allah.

Menurut al-Baida:wiiy (2003: 2:453), ayat ke-29 ini diturunkan lantaran kata-

kata orang yahudi bahawa Allah s.w.t beristirehat pada hari Sabtu. Tambahan pula Nabi s.a.w pernah bersabda:

مِنْ شَأْنِهِ أَنْ يَغْفِرَ ذَنْبًا وَيُفْرِجَ كُرْبًا وَيَرْفَعَ قَوْمًا وَيَضَعَ آخَرِينَ

Maksudnya: “Antara urusan Allah ialah Dia mengampunkan dosa, melepaskan seseorang dari sesuatu musibah, memuliakan sesuatu golongan dan menghina golongan yang lain”.


Jika Allah s.w.t menyamai makhluk yang merasai penat selepas bekerja, tentulah keperluan makhluk akan diabaikan sewaktu Dia berehat. Maha suci Allah dari mempunyai sifat lemah seperti manusia yang memerlukan rehat.

Dari penjelasan ini jelaslah kepada kita betapa kita perlu bersyukur kepadaNya. Allah adalah Tuhan yang sebenar yang berhak disembah yang sentiasa mendengar keperluan para hambaNya. Dia sentiasa berkuasa dan mentadbir alam keseluruhannya. Hal ini bertentangan dengan tohmahan orang-orang Yahudi yang beranggapan bahawa Allah s.w.t juga merasai lemah dan penat seperti manusia. Manusia termasuk para pemerintah dan raja amat terbatas kemampuannya menyebabkan mereka hanya mampu memenuhi keperluan rakyat dalam ruang lingkup kemampuan mereka sahaja. Ini berbeza dari Allah s.w.t yang sentiasa memerintah dan memenuhi permohonan makhluk.

Justeru pengulangan frasa (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) ini adalah bertujuan mengingatkan manusia supaya bersyukur atas nikmat ini iaitulah mempunyai Tuhan

yang sentiasa mendengar yang akan membantunya tanpa mengira waktu. Pengulangan ini juga berbentuk gaya bahasa yang mengandungi makna celaan dan sangkalan (التَّوْبِيخُ / الإِنْكَارُ). Gaya bahasa tanya di sini mengkehendaki dari mereka agar bersyukur dengan nikmat perhatian Allah s.w.t kepada mereka, sepanjang masa. Ini berbeza daripada pemimpin-pemimpin di kalangan manusia sendiri yang sering mengabaikan urusan rakyat. Jadi pengulangan ayat (رَبُّكُمْ تُكَذِّبَانِ فَبِأَيِّ آلَاءِ) ini amatlah wajar kerana ia mengandungi pesanan yang berbeza daripada sebelumnya. Jika sebelumnya ia menceritakan nikmat persediaan menghadapi kematian, ayat ini pula merupakan nikmat penjagaan dan pemeliharaan oleh Allah s.w.t. Justeru datanglah seruan dan perintah untuk melahirkan rasa syukur itu. Sudahkah kamu bersyukur atas ketetapanNya itu?.

Penggal yang kesembilan:



Maksudnya: “Kami hanya akan menguruskan hitungan dan balasan amal kamu sahaja (pada hari kiamat,) wahai manusia dan jin! Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.


Menurut al-Zamakhshariyy (1947:4:448) perkataan (الفَرَاغُ) membawa maksud

isti‘a:rat yang digunakan dalam gaya bahasa Arab untuk menampakkan kesungguhan tindakan yang akan dilakukan. Menerusi pendekatan ini Allah s.w.t disamakan dengan manusia yang memerlukan kepada fokus dalam pekerjaan. Jadi dalam ayat ini seolah-olah digambarkan Allah s.w.t akan menamatkan segala urusanNya sebelum memulakan sesi hukuman terhadap golongan manusia dan jin. Sebenarnya Allah s.w.t berkuasa melakukan berbagai perkara dalam satu masa berlainan daripada manusia yang mempunyai kemampuan yang terbatas. Tujuan yang dikehendaki di sebalik pendekatan isti‘a:rat ini adalah untuk menunjukkan penumpuan yang akan diberikan terhadap hukuman yang akan dilakukan kepada dua golongan itu. Ini juga bermaksud tiada seorangpun yang akan terlepas daripada hukuman kerana pihak yang menghukum telah benar-benar bebas daripada tanggungjawab atau kerja yang lain. Pendekatan ini juga kerap digunakan dalam bahasa Arab apabila seseorang yang mengalami tekanan dan ingin membalas dendam menyebabkannya berkata:

سَأْفُرُّكَ لَكَ

Maksudnya: “*Saya akan memastikan saya tiada urusan lain supaya dapat bertindak balas terhadap awak!*”.

Menjelaskan tentang penggunaan perkataan (نَفَرُّ) ini al-Wa:hidiyy al-Naisa:bu:riyy (1994:4:222) menyatakan Allah menggunakan perkataan (نَفَرُّ) kerana bagi mengambil kira kesesuaiannya untuk berganding dengan perkataan (شَان) yang telah digunakan dalam ayat yang sebelumnya iaitulah ayat ke-29. FirmanNya:



Jadi untuk menyesuaikan penggunaan Kata Nama ُشَأْنُ Allah telah mendatangkan Kata Kerja نَفْرَعُ. Menurutny lagi al-Fa:risiyy mentakwilkan makna bagi Kata Kerja نَفْرَعُ dalam ayat ini sebagai Kata Kerja نَقْصُدُ yang bermakna Kami akan menguruskan perhitungan kamu.

Penulis menyetujui idea al-Wa:hidhiyy ini kerana Kata Kerja نَفْرَعُ bermakna menyelesaikan sesuatu urusan. Penggunaan bagi Kata Kerja فَرَعَ ini yang membawa maksud menyelesaikan dapat kita perhatikan menerusi ayat ke 7 surah al-Syarh:

Maksudnya: “Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain)”.

Sebenarnya hujah ini diperkuatkan lagi dengan pandangan al-Zamakhsyariy (1947:4:448) dalam tafsirnya al-Kasysya:f di mana beliau telah mengemukakan bukti dari kaedah qira:’at Ubay yang membaca ayat سَنَفْرَعُ لَكُمْ sebagai سَنَفْرَعُ إِلَيْكُمْ yang bermaksud سَنَقْصُدُ إِلَيْكُمْ. Kata Kerja نَقْصُدُ membawa maksud kami akan memberikan penumpuan kepada kamu semua sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Fa:risiyy.

Allah s.w.t menceritakan bahawa perhitungan juga merupakan suatu nikmat supaya manusia sendiri menyaksikan bahawa keputusan Allah itu adalah adil buat

semua dan terbaik. Apabila perhitungan ini dilakukan dengan perhatian mereka sudah tentulah manusia ini akan lebih meyakini ketelusan perhitungan Allah dalam hukumanNya. Jadi ini merupakan suatu nikmat yang perlu disenaraikan secara berasingan dari yang lain.

Golongan yang beriman akan merasa gembira menyaksikan setiap perkara baik yang dilakukan tidak disia-siakan menyebabkan dia akan bersyukur kepadaNya atas nikmat ini. Demikian sebaliknya golongan yang berdosa akan mendapati setiap apa yang dilakukan dinilai oleh Allah s.w.t.


Berdasarkan pandangan di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa ayat ke-31 ini menerangkan tentang ketelitian perhitungan Allah di akhirat. Bagi seseorang mukmin, dia pasti merasa aman kerana setiap amalan baik akan dibalas seperti yang telah dijanjikan. Demikian juga sebaliknya bagi mereka yang ingkar akan dipastikan hukuman yang adil terhadap segala kesilapannya. Setiap golongan akan menerima balasan setimpal dengan segala yang telah dilakukan. Jadi pemberitahuan ini secara tidak langsung menjadi nikmat yang disebut oleh Allah kerana ia menjadikan seseorang mukmin itu lebih bersedia untuk melalui hari kiamat itu. Sebagaimana pengetahuan awal terhadap sesuatu memberikan kelebihan kepada seseorang maka demikian juga pengetahuan awal terhadap hari pembalasan merupakan suatu nikmat yang wajar disyukuri oleh manusia.

Selain itu pengulangan ayat ini juga bertujuan menyanggah kenyataan golongan

musuh Islam, seperti Yahudi dalam ayat yang lalu yang mengatakan Allah bersifat lemah. Kedatangan penggal ini adalah bertujuan memberi amaran tentang hukuman yang menanti mereka.

Justeru, amatlah bertepatan dengan peringatan syukur dan amaran ini apabila Allah mengulangi frasa *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ* ini untuk kali yang ke sembilan dalam surah ini. Pengulangan ini masih lagi dalam kategori gaya bahasa tanya yang mengandungi makna celaan dan sangkalan (*الإِنكَارُ / التَّوْبِيحُ*). Pengulangan ayat ini juga adalah menunjukkan bahawa nikmat perhitungan di akhirat adalah berbeza daripada nikmat penjagaan sewaktu di dunia menyebabkan ia diakhiri dengan soalan yang sama.

Penggal yang kesepuluh:



Maksudnya: “Wahai sekalian jin dan manusia! Kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan dan balasan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat)!”

Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”

Al-Mara:ghiyy (1974:juz27:118-119) menjelaskan bahawa dalam ayat ini Allah s.w.t mencabar manusia yang ingin melarikan diri dari azab Allah agar membebaskan diri mereka dari hukumanNya. Mereka pasti tidak akan mampu sama sekali untuk menandingi kekuasaanNya bagi membolehkan mereka terlepas.

Dalam tafsir Ja:mi‘ al-Baya:n al-Tabariyy (1999:juz 26:176) pengarang telah mengemukakan sebanyak 7 riwayat tentang ayat ke-33 ini. Secara ringkasnya ia melibatkan beberapa pandangan berkaitan cabaran yang dibawakan dalam ayat di atas samada ia merupakan cabaran yang diberikan oleh Allah di dunia atau pada hari akhirat kelak. Cabaran di dunia ialah mengelakkan diri dari mati menurut satu riwayat dari al-Husayn dari Abi: Mu‘a:dh. Riwayat ini diambil dari Muja:hid. Menurut beliau Ibn ‘Abba:s pula berpendapat bahawa ia adalah cabaran kepada manusia untuk menggunakan akal fikiran supaya dapat menguasai langit dan bumi. Dalam riwayat yang berasingan pula Ibn Jari:r al-Tabariyy (1999: juz 26: 176) menjelaskan bahawa Ibn ‘Abba:s turut berpandangan bahawa السُّلْطَانُ yang dimaksudkan dalam ayat ke 33 ini bermaksud kekuasaan. Demikian juga dalam kitab tafsir al-Muharrar al-Waji:z karangan Ibn ‘Atiyyat (2002:1803) apabila pengarang turut menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Jari:r al- Tabariyy .

In juga merupakan pandangan kebanyakan para pentafsir al-Qur’an menerusi

kitab-kitab tafsir seperti Tafsir Ibn Abi: Ha:tim yang dikarang oleh ‘Abd al-Rahma:n bin Muhammad bin Abi: Ha:tim (2003:10:3325), Tafsi:r al-Qur’a:n al-‘Azi:m karangan Ibn Kathi:r (1986:6:54-55), Maha:sin al-Ta’wi:l karangan al-Qa:simiyy (2003:8:566), dan Mukhtasar Tafsi:r Yahya: bin Sala:m karangan Muhammad bin ‘Abd Alla:h Zama:ni:n (2003:2:376).

Berdasarkan penerangan ini jelaslah pada kita cabaran yang dikemukakan ini adalah bertujuan menimbulkan perasaan insaf dalam diri makhluk. Mereka wajib bersyukur kepada Allah kerana peringatan seperti ini akan menyebabkan mereka lebih berwaspada terhadap terhadap kekuasaan Allah.


Antara pandangan yang agak berbeza daripada pandangan para pentafsir al-Qur’an adalah apa yang diutarakan oleh al-Alu:siyy (2000:juz 27:159) bahawa beliau menjelaskan manusia wajib bersyukur juga kepada Allah kerana Allah tidak pernah menghukum mereka walaupun Dia memiliki kekuasaan mutlak ke atas mereka. Perkara ini jelas dinyatakan dalam ayat ini.

Justeru pengulangan ayat رَبُّكُمْ تُكذِّبَانِ ini termasuk dalam kategori gaya bahasa tanya berulang yang mengandungi makna celaan dan sangkalan (الإِنْكَازُ/ التَّوْبِيحُ). Gaya bahasa tanya di sini mengkehendaki dari mereka agar bersyukur dengan nikmat Allah yang maha berkuasa menjaga mereka. Jika dalam ayat yang lalu menerangkan

tentang keadilan hukuman di akhirat maka ayat dalam penggal ini menerangkan tentang kebesaran kekuasaan Allah s.w.t yang amat pengasih itu. Mereka tidak dihukum walaupun kerap mengingkari suruhanNya. Dalam masa yang sama mereka masih lagi diberi peluang meneroka alam ciptaan Allah s.w.t ini dengan ilmu yang diberikan itu.

Ternyata tuntutan untuk bersyukur dalam penggal ini amatlah wajar kerana nikmat yang dinyatakan di sini berbeza daripada yang lain.

Penggal yang kesebelas:



Maksudnya: ”Kamu (wahai golongan yang kufur ingkar dari kalangan jin dan manusia) akan ditimpakan dengan api yang menjulang-julang dan leburan tembaga cair (yang membakar); dengan yang demikian, kamu tidak akan dapat mempertahankan diri (dari azab seksa itu); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Al-Qurtubiyy (1994:juz18:155-156) menjelaskan bahawa Ibn ‘Abba:s berpendapat شَوَاطُ bermaksud api neraka itu tidak mempunyai asap. Menurut al-Qurtubiyy (1994:juz18:155-156), Muja:hid mentakrifkan شَوَاطُ sebagai api yang

berwarna kehijauan yang terputus dari api yang sedang menyemarak. Dalam tafsir al-Ja:mi' li Ahka:m al-Qur'a:n al-Qurtubiyy (1994:juz18:155-156) menjelaskan Kata Nama نُحَاسٌ pula bermaksud tembaga panas yang cair dicurahkan ke atas kepala-kepala mereka. Al-Dahha:k pula seperti yang disebut dalam kitab tafsir al-Ja:mi' li Ahka:m al-Qur'a:n berpendapat bahawa Kata Nama نُحَاسٌ bermaksud minyak yang menggelegak. al-Kisa:'iyy menjelaskan bahawa Kata Nama نُحَاسٌ bermaksud api yang mempunyai angin yang sangat panas.

Menurut al-Sa:wiyy (1995:6:41) ayat فَلَا تَنْتَصِرَانِ dalam ayat ke 35 bermaksud mereka tidak akan beroleh sebarang perlindungan.

Al-Syawka:niyy (1992:5:159) pula berpendapat bahawa amaran yang dikemukakan dalam episod ke 11 ini memadai untuk menjadikan seseorang itu merasa bimbang tentang keadaan dirinya dan kesudahannya pada hari kiamat kelak.

Al-Samarqandiyy (1993:3:309) menjelaskan hanya Allah sahaja yang dapat mempertahankan mereka apabila azab itu ditimpakan ke atas mereka.

Penggal ini dibawakan untuk menunjukkan betapa Allah s.w.t berkuasa bertindak menghukum golongan yang ingkar dengan siksa yang amat dahsyat. Justeru

pengulangan ayat **فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ** amatlah bersesuaian dengan keadaan golongan kafir yang sering mempertikaikan kebenaran Islam.


Pengulangan dalam penggal ini bertujuan menambahkan lagi perasaan takut dalam diri mereka agar menghindari perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah. Demikian pula seseorang mukmin akan menjadikan peringatan seperti ini sebagai motivasi ke arah memperbaiki ibadahnya supaya selamat di akhirat kelak.

Jadi pengulangan ini tergolong dalam kategori gaya bahasa tanya yang mengandungi makna celaan dan sangkalan (الإِنْكَارُ/التَّوْبِيحُ). Dalam penggal ini manusia dan jin diberi amaran tentang kedahsyatan hukuman di akhirat.

Sebahagian besar di kalangan para pentafsir yang telah disebut di atas bersependapat mengatakan bahawa gambaran perkara ini akan menimpa mereka di akhirat, bukannya di dunia. Jadi ia adalah satu bentuk gaya bahasa tanya yang mengkehendaki di sebaliknya agar mereka bersyukur atas pemberitahuan awal tentang bentuk-bentuk hukuman yang bakal dikenakan nanti.

Penggal kedua belas dan ketiga belas:





Maksudnya: “Selain itu (sungguh ngeri) ketika langit pecah-belah lalu menjadilah ia merah mawar, berkilat seperti minyak; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada masa itu tiada sesiapaupun, sama ada manusia atau jin, yang akan ditanya tentang dosanya (kerana masing-masing dapat dikenal menurut keadaannya); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut al-Qurtubiyy (1994:18:157), diriwayatkan dari Muja:hid dan al-Dahha:k Kata Kerja **انْشَقَّتْ** bermakna terbelah. Dari Sa'i:d bin Jubair dan Qata:dat mereka menjelaskan bahawa ia bertukar warna menjadi kemerahan dan berkilat seperti minyak. Al-Qurtubiyy (1994:18:157) turut mengemukakan pandangan yang mengatakan bahawa langit terbelah dan bertukar warna menjadi kemerah-merahan lantaran panasnya bahang matahari pada hari itu. Selain itu beliau juga mengemukakan pandangan dari Ibn 'Abba:s yang mengatakan bahawa sesuatu yang sentiasa berubah warnanya dipanggil mawar. Al-Hasan menambah bahawa minyak yang dituangkan akan menghasilkan berbagai warna.

Demikian pula al-Mara:ghiyy (1974:juz.27:120-121) menjelaskan dalam tafsirnya, Tafi:r al-Mara:ghiyy, pandangan yang sama dengan al-Qurtubiyy dalam

tafsirnya.

Al-Nasafiyy (2000:1195) pula memberikan pandangan yang berbeza. Bagi beliau warna sebenar langit adalah merah tetapi ia kelihatan biru disebabkan biasan cahaya. Kelak apabila hampir dengan kiamat langit akan menjadi hampir dengan manusia menyebabkan mereka akan dapat melihat warna sebenar langit. Bagaimanapun beliau tidak menjelaskan lanjut tentang sumber pengambilan pandangan ini.

Pada hemat penulis pandangan ini adalah bersumberkan dari al-Ma:wardiyy dalam tafsirnya al-Nukat Wa al-'Uyu:n. Ini disebabkan al-Ma:wardiyy hidup antara tahun 363H dan meninggal dunia pada tahun 450H telah mendahului al-Nasafiyy yang meninggal dunia pada tahun 710H. al-Ma:wardiyy (t.t:5:435-436) menjelaskan dalam tafsirnya, bahawa langit sebenarnya berwarna merah. Tetapi disebabkan biasan dan jarak ia kelihatan kebiruan. Keadaan yang sama juga dapat diperhatikan pada urat-urat dalam badan. Warna sebenarnya adalah merah tetapi ia kelihatan biru disebabkan warna kulit manusia. Demikian juga langit akan kelihatan merah seperti warna asalnya pada hari kiamat apabila jaraknya dengan manusia menjadi hampir.

Tujuan Allah s.w.t menutup penggal ke dua belas dengan ayat **فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا**

تُكَذِّبَانِ adalah untuk mengingkari dan mencela sikap manusia masih mempertikaikan

kebenaran berlakunya kiamat yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Dalam ayat ke 39 yang berada dalam penggal ke 13, Allah s.w.t menggambarkan bahawa perhitungan hari akhirat tidak akan memberi ruang kepada manusia untuk memberikan penjelasan. Demikianlah penjelasan oleh al-Qurtubiyy (1994:18:158) dalam tafsirnya dalam riwayat yang dipetik dari al-Hasan dan Muja:hid.


Menurut al-Syanqi:tiy (1996:6:431), terdapat banyak ayat yang menunjukkan bahawa perhitungan amal di akhirat kelak akan mengambil masa yang panjang. Terdapat keadaan seseorang itu akan menjawab dengan lidahnya dan akan tiba keadaan yang lain apabila Allah s.w.t akan menutup mulutnya lantas anggota-anggotanya pula akan berbicara. Pada hari tersebut mereka tidak akan dapat merahsiakan sesuatupun dari Allah s.w.t.

Jadi dalam penggal ini juga kita dapat melihat kewajaran mengulangi ayat **فَبِأَيِّ** **آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ** . Ia juga berbentuk gaya bahasa tanya yang mengandungi makna celaan dan sangkalan (الإِنْكَارُ/التَّوْبِيحُ). Ayat tanya ini diulang untuk kesekian kalinya bertujuan menyangkal dan mencela sikap manusia masih menafikan kekuasaan Allah s.w.t untuk membangkitkan mereka kembali.

Jika ayat dalam penggal yang lalu menceritakan bentuk azab yang bakal berlaku iaitulah ketiadaan bantuan untuk ahli neraka, sekarang dalam penggal ini menghuraikan

sekelumit daripada kedahsyatan Kiamat. Apabila mesej yang ditujukan ini berbeza daripada yang sebelumnya maka penting untuk diingatkan lagi dengan gesaan agar bersyukur yang terdapat dalam ayat tanya ini.

Penggal ke empat belas dan lima belas:



Maksudnya: “Orang-orang yang berdosa dapat dikenal dari tandatandanya, lalu dipegang dari atas kepala dan kakinya (serta diseret ke neraka); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (Lalu dikatakan kepada mereka): “Inilah neraka Jahannam yang selalu orang-orang yang berdosa mendustakannya”. Mereka (terus disiksa) berulang-ulang di antara api neraka dengan air yang menggelegak yang cukup masak panasnya! Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut al-Andalu:siyy (2001:8:194-194) beliau menjelaskan bahawa golongan

yang berdosa akan dihimpunkan di akhirat dengan wajah yang hitam dan mata yang biru. Allah juga berkuasa menjadikan keadaan mereka lebih buruk dari itu seperti buta, pekak dan bisu lalu diheret mereka oleh penjaga neraka pada kaki ataupun ubun-ubun mereka. Ibn ‘Abba:s menjelaskan bahawa mereka akan diseret dengan ubun-ubun dan kaki ke dalam neraka. Mereka akan menjadi bahan bakaran api sebagaimana kayu-kayu kering yang digunakan untuk menyalakan api. Al-Dahha:k pula berkata bahawa mereka akan diseret ke dalam neraka menggunakan rantai-rantai dari arah belakang mereka.

Dalam ayat ini para pembaca tentu tertanya mengapakah ia ditutup dengan peringatan supaya bersyukur menerusi ayat **فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ**. Menjawab kemusykilan ini penulis amat bersetuju dengan pandangan al-Ra:ziyy (2004:247) yang telah menjelaskan menerusi kitabnya *Niha:yaṭ al-I‘ja:z fi: Dira:yaṭ al-I‘ja:z*:

إِنَّ جَهَنَّمَ وَالْعَذَابَ وَإِنْ لَمْ يَكُونَا مِنْ نِعْمِ اللَّهِ ، فَإِنَّ ذِكْرَهُ تَعَالَى لَهُمَا وَوَصَفَهُ لَهُمَا عَلَى
طَرِيقِ الرَّجْرِ عَنِ الْمَعَاصِي ، وَالتَّرغِيبِ فِي الطَّاعَاتِ ، مِنْ الْآلَاءِ وَالنِّعَمِ .


Berdasarkan penjelasan al-Ra:ziyy ini kita dapat memahami bahawa peringatan-peringatan yang berbentuk amaran ini juga tidak terkeluar dari kategori nikmat-nikmat yang mesti disyukuri manusia. Ini disebabkan gambran-gambaran azab siksa seperti ini cukup untuk memberikan keinsafan dalam diri pembaca agar insaf terhadap dosa-dosa yang mereka lakukan. Mereka patut mengambil pengajaran terhadap kedahsyatan hukuman yang digambarkan agar tidak menimpa mereka di akhirat kelak.


Ini merupakan pandangan kebanyakan pentafsir al-Qur'an, contohnya al-Ma:wardiyy (t.t:5:437) menerusi tafsirnya, al-Nukat wa al-'Uyu:n.

Demikian juga dalam penggal kelima belas gambaran kedahsyatan balasan iaitu neraka Jahannam dan minuman yang panas yang disediakan buat penghuni neraka itu, bahawa ia juga tergolong dalam kenyataan al-Ra:ziyy itu.

Penggal yang ke lima belas ini juga diakhiri dengan peringatan agar bersyukur. Ia masih lagi dalam kategori gaya bahasa tanya yang mengandungi makna celaan dan menyangkal (الإنكار / التوبيخ). Pegulangan ini bertujuan untuk mencela sikap manusia yang kerap meragui kekuasaan Allah s.w.t yang bersifat mutlak. Menyangkal yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah apakah manusia tidak mengetahui bahawa mereka dijadikan Allah s.w.t sepenuhnya, tiba-tiba mereka merasakan mereka boleh lepas daripadanya. Jadi dalam konteks ini penutupan kedua penggal dengan gesaan agar bersyukur itu adalah amat tepat kerana kelainan peringatan yang dikemukakan dalam kedua penggal itu.

Penggal keenam belas hingga kedua puluh:





Maksudnya: “Dan orang yang takut akan keadaan berdirinya di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalnya), disediakan baginya dua syurga, - Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (Dua syurga) yang ada berjenis-jenis pohon dan buah-buahan, Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada keduanya dua mata air yang mengalir, Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Pada kedua syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Mereka (bersenang-senang di tempat masing-masing dalam syurga itu dengan) berteleku di atas hamparan, yang lapisan-lapisan sebelah dalamnya - dari sutera tebal yang bersulam; dan buah-buahan kedua-dua syurga itu dekat (kepada mereka) untuk dipetik. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut Sayyid Qutb (1992:6:3457), al-Qur’an akan mengemukakan sesuatu

dengan lawannya atau yang serasi dengannya. Jadi ayat-ayat dalam penggal-penggal ini membicarakan tentang kenikmatan yang diperolehi oleh golongan yang taat.

Menurut Muhammad al-Andalu:siyy (2002:1804) ayat ke 46 merujuk kepada individu secara perseorangan ataupun beramai-ramai. Baginya partikel (وَلِمَنْ) boleh digunakan untuk seorang ataupun beberapa orang yang telah mentaati Allah semasa hidup di dunia dahulu dengan menjaga diri dari perkara-perkara larangan Allah s.w.t. Mereka akan dianugerahkan dua buah syurga. Bagi sarjana tafsir yang lahir dan membesar di Granada ini dua syurga yang digunakan dalam ayat ke 46 ini adalah merujuk pada bilangannya secara hakiki. Beliau menolak pendapat sesetengah golongan yang mengatakan bahawa bilangan yang dikehendaki di sini tidak menunjuk kepada dua, tetapi hanya satu, namun digunakan bentuk dua untuk menekankan kehebatan syurga itu. Abu: al-Layth Nasr bin Muhammad al-Samarqandiyy (1993:3:310) juga menyokong pendapat ini bahawa ia memang merujuk kepada bilangan dua, bukannya satu.

Oleh itu Allah s.w.t mengulangi menyebut (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) dalam penggal keenam belas ini untuk mengingatkan manusia mengapakah masih mengengkari anugerah nikmat syurga sebagai balasan di akhirat.

Menurut Muhammad bin Abi: Bakr al-R:aziyy (1989:451) أَفْئَانُ merupakan

Kata Jamak bagi فَنَسٌ .

Jadi maksud ayat ke 48 ini ialah kedua syurga itu pula mempunyai dahan-dahan yang banyak, rimbun dan rendang. Dahan-dahan ini juga memiliki buah-buahan yang beraneka ragam lagi sangat menyenangkan. Jadi Allah s.w.t mengemukakan ayat (فَبِأَيِّ) (فَآلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) untuk mengingatkan manusia yang gemar mengingkari nikmat yang dijanjikan oleh Allah s.w.t berupa keindahan syurga dan kerehatan yang ada padanya.

Menurut al-Zamakhshariyy (1995:4:441) ayat ke 50 menerangkan kepada kita bahawa sungai yang mengalir akan mengikut kehendak pemiliknya samada di bawah ataupun di atas. Apabila nikmat ini berlainan dengan sebelum dan selepasnya maka Allah s.w.t meletakkan ayat tanya (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) untuk menunjukkan kepada kita akan kepelbagaian bentuk nikmat-nikmat itu, setiap satu berbeza daripada yang lain.

Menurut Abu: al-Layth al-Samarqandiyy (1993:3:310) maksud “*dua jenis dari tiap-tiap buah-buahan*” merujuk kepada rasa manis dan masam dari pohon yang sama. Justeru penggal ini diakhiri dengan frasa (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) kerana mempersoalkan sikap manusia yang sering mempertikaikan kemampuan Allah menjadikan nikmat itu.

Menurut al-Qurtubiyy (1994:juz 17:162-163) terdapat sebuah riwayat daripada Ibn ‘Abba:s r.a menjelaskan bahawa maksud ayat ke 52 ialah Allah akan menganugerahi penghuni-penghuni syurga setiap buah-buahan terdiri dari dua rasa. Demikian juga terdapat pandangan yang menjelaskan bahawa berpasangan yang dimaksudkan pada buah ialah buah yang sama tetapi ada yang muda dan tua, masam dan manis, basah dan yang dikeringkan.

Dalam syurga jenis pertama terdapat dua buah mata air yang berbeza (ayat 50). Al-Zamakhsyariyy (1995:4:442) menyebutkan nama keduanya yaitu tasni:m bertepatan dengan deskripsinya dalam surah yang lain dalam juz ‘Ammah, iaitulah surah al-Mutaffifi:n ayat 22-27, iaitulah firmanNya yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), tetap berada di dalam Syurga yang penuh nikmat: Mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), sambil melihat (segala keindahan dan kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ). Engkau dapat melihat pada muka mereka: cahaya nikmat yang mereka perolehi. Mereka diberi minum dari satu minuman yang termeterai bekasnya, Meterainya kasturi; dan untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itu hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan; Dan campuran minuman itu adalah dari “Tasni:m”.*

Selain itu jelas al-Zamakhshariyy (1995:4:442) lagi mata air yang ke dua dinamakan sebagai Salsabi:l seperti yang terdapat dalam surah al-Insa:n ayat 17-18 yang bermaksud: Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman yang campurannya dari “Zanjabi:l”, Iaitu sebuah mataair dalam Syurga, yang disebutkan sifatnya sebagai “Salsabi:l”.

Menurut Ibn Manzu:r (1994:13:52) Kata Nama بَطْنٌ bermaksud bahagian dalam iaitu lawan kepada Kata Nama ظَهْرٌ yang bermaksud bahagian luar. Beliau turut menjelaskan bahawa Kata Nama ظَهْرٌ hanya boleh membawa makna Kata Nama ظَهْرٌ jika merujuk pada dinding dan langit sahaja. Ini disebabkan bahagian dinding samada yang berada di sebelah kita yang turut di panggil ظَهْرٌ ataupun sebelah yang lain yang terselindung yang digelar sebagai بَطْنٌ adalah sama antara satu dengan yang lain tanpa ada sebarang perbezaan.

Ini berbeza daripada pakaian dan hamparan yang mempunyai ciri dan sifat yang berbeza antara permukaan atas dan bawahnya. Manusia biasanya cenderung menjadikan bahagian yang kelihatan iaitu permukaanya lebih menarik berbanding dengan yang tersembunyi iaitu tapaknya.

Menurut Ibn Manzu:r (1994:4:520) Kata Nama ظَهْرٌ merupakan Kata Antonim kepada Kata Nama بَطْنٌ. Beliau turut mengemukakan pandangan Abu: ‘Ubayd yang menjelaskan bahawa Kata Nama ظَهْرٌ sering merujuk kepada makna lafaz al-Qur’an

sedangkan Kata Nama بَطْنٌ pula bermakna takwil al-Qur'an iaitulah apa yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Berdasarkan kepada pandangan ini kita dapat membuat kesimpulan bahawa Kata Nama بَطَائِنُهَا adalah merujuk pada bahagian dalam hampan yang dijadikan Allah s.w.t untuk ahli-ahli syurga. Keindahan yang dijanjikan pada penciptaan hampan ini adalah bertujuan menunjukkan nikmat yang dijanjikan Allah s.w.t terhadap ahli syurga. Sebagai pengukuhan terhadap hujah ini penulis mengemukakan bukti dari riwayat yang dipilih oleh al-Tabariyy. Ibn Jari:r al-Tabariyy (1995:juz 26:193) yang dianggap sebagai imam para mufassirin mengemukakan sebuah riwayat dari Isha:q bin Zayd al-Khatta:biyy dari al-Farya:biyy dari Sufya:n dari Abi: Isha:q dari Hubayrat dari Ibn Mas'ud beliau menjelaskan Allah telah menyebut tentang bahagian dalam ataupun bawahnya, maka sudah tentulah bahagian atas atau luarnya yang tidak dinyatakan itu lebih hebat.

Menerusi susunan ayat-ayat ini bermula daripada ayat ke 46 hingga ke 55 kita dapat menyaksikan suatu keserasian yang amat menakjubkan. Ini bermula dengan ayat ke 46 yang menggambarkan tentang kelebihan golongan yang mentaati Allah s.w.t. Kemudian dalam ayat ke 48 pula menggambarkan keindahan syurga dengan pepohonnya yang rimbun. Selanjutnya dalam ayat ke 50, menghuraikan kesempurnaan nikmat syurga bahawa terdapat mata air-mata air yang sekaligus mendukung pertumbuhan pepohonan itu. Demikianlah hubungan ayat-ayat di atas. Firman Allah s.w.t dalam ayat 50-53:

“Pada keduanya terdapat dua matair yang mengalir; - Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan. Pada kedua syurga itu terdapat dua macam dari tiap-tiap jenis buah-buahan (yang biasa dan yang luar biasa). Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”

Dalam ayat ke 54 pula digambarkan nikmat yang bakal dikecapi oleh ahli syurga seperti yang digambarkan dalam ayat ini adalah kenikmatan tempat duduk yang enak dan lembut. Ini adalah sebagai balasan semasa di dunia dahulu mereka amat berwaspada terhadap perintah Allah s.w.t dan meninggalkan laranganNya.


Selepas huraian tentang nikmat-nikmat syurga ini dikemukakan amatlah wajar bagi Allah s.w.t untuk menekankan kepentingan golongan mukallaf agar bersyukur kepadaNya. Ibn ‘A:syu:r (2000:27:230) menjelaskan bahawa pendekatan yang diambil al-Qur’an adalah mengemukakan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) sebagai penyelang secara berulang-ulang antara setiap kelompok nikmat ataupun azab yang diperjelaskan. Penyelang ini bertindak memberikan penekanan terhadap nikmat-nikmat atau azab yang digambarkan itu sebelum berpindah ke suatu bab ataupun penggal yang baru.

Kita dapat perhatikan bahawa setiap penggal yang menceritakan tentang berbagai nikmat itu diselangi dengan ayat tanya (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) yang mengandungi makna celaan dan menyangkal (الإنكار / التوبيخ).

Sekalipun setiap penggal ini ringkas tetapi seperti yang telah dihuraikan, ia sebenarnya merupakan suatu nikmat yang berbeza dan mampu berdiri dengan sendirinya tanpa memerlukan kepada yang lain. Dari sini dapatlah kita memahami mengapa adanya ayat tanya (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) yang terus menerus diulang.

Pegulungan ini bertujuan untuk mencela sikap manusia yang sentiasa meragui kekuasaan Allah s.w.t yang bersifat mutlak. Menyangkal yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah apakah manusia tidak mengetahui bahawa mereka dijadikan Allah s.w.t sepenuhnya, tiba-tiba mereka merasakan mereka boleh lepas daripadanya. Jadi dalam konteks ini penutupan kedua penggal dengan gesaan agar bersyukur itu adalah amat tepat kerana kelainan peringatan yang dikemukakan dalam kedua penggal itu.

Penggal ke dua puluh satu hingga dua puluh tiga.





Maksudnya: ”Di dalam Syurga-syurga itu terdapat bidadari-bidadari yang pandangannya tertumpu (kepada mereka semata-mata), yang tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan jin; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bidadari-bidadari itu (cantik berseri) seperti permata delima dan marjan. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga? Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Al-Andalu:siyy (2001:8:196) menjelaskan berpendapat bahawa Ganti Nama هُنَّ

dalam perkataan فِيهِنَّ adalah merujuk pada syurga bukannya hamparan. Pandangan ini telah disokong oleh al-Mara:ghiyy dalam tafsirnya al-Tafsi:r al-Mara:ghiyy. Pandangan ini disokong juga oleh sebuah hadith riwayat al-Bukha:riyy yang menggambarkan bahawa bidadari-bidadari itu bebas bergerak dalam syurga-syurga yang disediakan. Sabda Nabi s.a.w:

الْحَيْمَةُ دُرَّةٌ مُجَوَّفَةٌ طُولُهَا فِي السَّمَاءِ ثَلَاثُونَ مِيلاً فِي كُلِّ زَاوِيَةٍ مِنْهَا لِلْمُؤْمِنِ أَهْلٌ لَا يَرَاهُمْ
الْآخِرُونَ

Maksudnya: “Khemah(istana) ahli syurga itu diperbuat daripada intan mutiara yang mempunyai ruang setinggi tiga puluh batu ke atas, pada setiap penjurunya terdapat para isteri yang tidak dapat dilihat oleh seorangpun”.

Menurut Mahmu:d bin Abi: al-Hasan (1995:2:791) bidadari-bidadari ini dijadikan Allah dikurung dalam syurga-syurga ini untuk mengelakkan mereka bergaul dengan golongan manusia.


Berdasarkan penjelasan ini kita dapat memahami bahawa bidadari-bidadari yang sedang menanti para suami merupakan wanita-wanita jelita yang tidak pernah melihat lelaki-lelaki lain selain para suami mereka yang dijadikan Allah s.w.t.

Menurut Ibn Kathi:r (2000:1348) ayat yang ke 58 ditafsirkan oleh Muja:hid dan al-Hasan dengan maksud tarikan para isteri di kalangan bidadari itu dan godaannya.

Ayat ke 60 pula seperti yang dinyatakan oleh para pentafsir seperti Ibn Kathi:r (2000:1348), al-Zamakhsyariyy (1995:4:442) sebagai kepastian tempat dalam syurga.

Justeru amatlah tepat dalam setiap penggal bermula daripada yang ke dua puluh satu hingga ke dua puluh tiga ini diulangi ayat (فَبِأَيِّ آلٍ رَبُّكُمْ تُكَذِّبُونَ) dengan tujuan mencela dan menyangkal perangai manusia yang tidak bersyukur. Ia juga bertujuan mencela sikap manusia yang sibuk mengejar nikmat dunia sehingga terlupa terhadap nikmat yang diperuntukkan di akhirat.

Penggal ke dua puluh empat hingga dua puluh tujuh.



Maksudnya: “Dan selain dari dua Syurga itu, dua Syurga lagi (untuk menjadi balasan bagi golongan peringkat yang kedua); Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Kedua-duanya menghijau subur tanamannya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Dalam kedua-dua Syurga itu terdapat dua matair yang terus menerus memancarkan airnya: Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Pada keduanya juga terdapat buah-buahan, serta pohon-pohon kurma dan delima, Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan?”.

Menurut al-Ma:wardiy (t.t:5:440) ayat ke-62 kebanyakan para pentafsir mengatakan bahawa ayat ke-62 ini menggambarkan bahawa setiap ahli syurga akan memperolehi dua taman syurga yang lain sebagai tambahan.

Ibn Kathi:r (2000:1347) menjelaskan bahawa dua jenis surga yang pertama dijadikan daripada emas dan disediakan untuk mereka yang tergolong kelompok muqarrabin iaitulah golongan yang sangat hampir dengan Allah, sedangkan dua jenis

syurga berikutnya dibuat dari perak dan disediakan untuk kelompok Asha:b al-Yami:n iaitulah golongan yang menduduki tempat di sebelah kanan. Dua jenis surga yg disebut pertama lebih tinggi statusnya berbanding dua jenis surga berikutnya. Jenis bidadari di dua tingkatan surga ini juga berbeza. Qa:sira:t al-Tarf (ayat 56) akan ditempatkan pada surga jenis pertama, sedangkan al-Khayra:t al-Hisa:n (ayat 70) menunggu dalam syurga jenis kedua.

Para ulama' pentafsir al-Qur'an seperti al-Zajja:j (2007:4:197) dan al-Baida:wiyy menjelaskan bahawa ayat ke 62 hingga ke 69 ini menggambarkan anugerah tambahan bagi mereka yang bertaqwa kepada Tuhan mereka. Sebagai contohnya ayat ke 64 menggambarkan kehebatan tanaman dalam syurga pada warnanya yang sangat hijau. Di kalangan para pentafsir moden pula seperti contohnya Sayyid Qutb (1992:6:3458) turut menyetujui pandangan golongan terdahulu. Beliau menjelaskan ayat ke-64 ini menggambarkan kesuburan tanaman dalam syurga. Warna kehijauannya begitu gelap seolah-olah hampir menjadi hitam.

Pandangan para pentafsir al-Qur'an ini turut disokong oleh pengarang kamus Lisa:n al-'Arab, Ibn Manzu:r (1990:12:209). Beliau menjelaskan bahawa kata Sifat مُدْهَامَاتَانِ yang menggambarkan warna pokok-pokok dalam syurga itu berasal daripada perkataan الدُّهْمُ ataupun الدُّهْمَةُ yang bermaksud kepekatan warna hijau sehingga menghampiri kepada yang hampir kepada hitam.

Menurut al-Zamakhshariyy (1995:4:442) dan Sayyid Qutb (1992:6:3458) ayat ini dikemukakan bagi menunjukkan dua bentuk keindahan air dalam taman-taman syurga. Bentuk kesenian yang pertama iaitulah keadaannya mengalir seperti deskripsi dalam ayat ke-50 yang lalu sedangkan dalam ayat ke-66 ini pula air dalam taman syurga ini terbit dalam keadaan memancar.


Dalam ayat ke-66 pula, Allah s.w.t memberitahu sekalian manusia dan jin bahawa dalam syurga itu terdapat kurniaan buah-buahan dari berbagai jenis. Menurut al-Zajja:j (2007:4:197) pokok kurma dan delima disebut secara khusus kerana keutamaannya berbanding dengan buah-buahan yang lain. Ini merupakan pandangan Yu:nus al-Nahwiyy dan al-Khali:l.

Setelah memahami empat anugerah yang diberikan dalam penggal ke-24 hingga 27 ini jelas kepada kita kepentingan diulangi ayat (فَبِأَيِّ آلٍ رَّبُّكُمْ تُكذِّبَان) antara setiap penggal penceritaan tentang nikmat-nikmat akhirat. Menurut al-Suyu:tiyy (2003:1:225) pengulangan penceritaan tentang nikmat syurga dalam penggal ini penting bagi tujuan mewujudkan kesedaran dalam diri pembaca. Gambaran nikmat syurga sentiasa dibawakan bagi mengelakkan seseorang itu dari dikuasai oleh rasa kegembiraan dan kealpaan.

Pengulangan ayat itu adalah bertujuan mencela sikap manusia yang jarang bersyukur atas pemberian nikmat-nikmat di dunia. Manusia yang sering lalai dan sibuk dengan pencarian keduniaan sehingga timbul perasaan seolah-olah menyangkal kuasa

Allah untuk menyediakan bagi mereka suatu yang tinggi nilainya di akhirat. Barangkali ini disebabkan mereka sudah mula terpedaya dengan tipu daya dunia hingga merasakan apakah ada di akhirat nikmat sebegini yang aku nikmati?

Penggal ke dua puluh lapan hingga tiga puluh satu.



Maksudnya: “Dalam kedua-dua Syurga itu juga terdapat (teman-teman) yang baik akhlaknya, lagi cantik parasnya; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Ia itu bidadari-bidadari, yang hanya tinggal tetap di tempat tinggal masing-masing; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? (Bidadari-bidadari itu) tidak pernah disentuh sebelum mereka oleh manusia dan tidak juga oleh jin; Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak

dustakan? Penduduk Syurga itu (bersenang-senang di dalamnya dengan) berbaring di atas (bantal-bantal dan) cadar-cadar yang hijau warnanya serta permaidani-permaidani yang sangat indah. Maka yang mana satu di antara nikmat-nikmat Tuhan kamu, yang kamu hendak dustakan? Maha Sucilah nama Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan”.

Menurut Mahmud Abi: al-Hasan (1995:2:791), Kata Nama adalah merujuk kepada rumah-rumah yang dibina daripada permata.

Menurut kajian penulis perkara ini adalah selari dengan hadith sahih riwayat al-Bukhari: yaitu sabda Nabi s.a.w:

الْخَيْمَةُ دُرَّةٌ مُّجَوَّفَةٌ طُولُهَا فِي السَّمَاءِ ثَلَاثُونَ مِثَالاً فِي كُلِّ زَاوِيَةٍ مِنْهَا لِلْمُؤْمِنِ أَهْلٌ لَا يَرَاهُمْ
الْآخَرُونَ

Maksudnya: “Khemah itu dieprbuat daripada intan mutiara yang mempunyai ruang setinggi tiga puluh batu ke atas, pada setiap penjuruanya terdapat para isteri yang tidak dapat dilihat oleh seorangpun”.

Menurut al-Tuji:biy (1995:533), Kata Nama مَقْصُورَاتٌ bermaksud dikurung ataupun dibataskan pergerakan mereka dari bergaul dengan orang lain.

Masyarakat Arab beranggapan wanita yang sentiasa berada dalam rumah dianggap lebih baik dari yang selalu berdampingan dengan orang kebanyakan di luar rumah. Demikian jelas al-Syanqi:tiy (1996:6:444-445) dalam tafsiran ayat ke-72 surah

ini.

Pada hemat penulis masyarakat Melayu juga meyakini bahawa seseorang wanita itu dipandang mulia apabila dia kurang bercampur gaul dengan lelaki-lelaki bukan mahram. Justeru apabila bidadari-bidadari yang diberikan kepada ahli syurga itu disifatkan sebagai ‘tinggal tetap’ dalam kediaman mereka ia mengisyaratkan suatu nikmat yang baru, iaitu keterasingan yang menjadikan mereka itu mulia. Mereka diciptakan secara khas untuk suami mereka sahaja, tanpa boleh bertemu dengan orang lain, walaupun sekadar pertemuan.

Al-Baghawiyy (2000:4:346), mengemukakan sebuah riwayat dari al-‘Awfiyy dari Ibn ‘Abba:s, beliau menjelaskan bahawa Kata Nama رُفْرَفٍ merujuk pada hamparan mewah yang dibentangkan di bahagian atas sesuatu karpet. Al-Dahha:k dan Qata:daṭ pula mengatakan ia adalah bantal seperti yang digunakan oleh orang-orang Arab dalam majlis-majlis mereka.

Namun demikian di dalam Sahih Tafsi:r Ibn Kathi:r pula, para editor yang diketuai oleh al-Bakriyy (2001:3:1756) mengemukakan sebuah pandangan dari al-Hasan al-Basriyy yang mengatakan bahawa Kata Nama رُفْرَفٍ bermaksud bantal.

Penulis telah merujuk kepada manuskrip Tafsi:r Ibn Kathi:r yang sebenarnya dan mendapati bahawa Ibn Kathi:r (1986:6:64) turut mengemukakan sebuah riwayat dari

Sa'iid bin Jubayr yang mengatakan Kata Nama زُفْرٍ adalah bermaksud taman-taman.

Al-Zamakhshariyy (1947:4:454) dalam tafsirnya al-Kasysya:f turut mengemukakan sebuah pandangan yang lain di samping kedua pandangan yang dikemukakan oleh Ibn Kathir iaitu merujuk pada kain yang besar. Beliau walaubagaimanapun tidak menjelaskan pandangan yang menjadi pilihannya.

Menurut pentafsiran al-Baida:wiyy (1305H:709) terhadap Kata Nama عَبْرِيٌّ dalam ayat ke 77 orang-orang Arab menggunakan istilah ini pada perkara-perkara yang mengagumkan. Perkara ini disebabkan anggapan Kata Nama عَبْرٌ adalah merujuk kepada negara ataupun tempat tinggal golongan jin.

Menurut al-Bagha:wiyy (2000:4:346), Kata Nama عَبْرِيٌّ adalah merujuk pada karpet yang sangat halus dan lembut. Menurutny al-Khali:l menjelaskan bahawa setiap benda yang berada dalam kategori mewah digelar sebagai عَبْرِيٌّ.

Perkara yang sama akan kita lihat apabila meneliti kamus-kamus seperti Mufrada:t Alfa:z al-Qur'a:n, al-Kulliyya:t dan Lisa:n al-'Arab.

Wahbat al-Zuhailiyy (2003:9:175) menjelaskan bahawa objektif penurunan al-

Qur'an adalah untuk memperjelaskan tentang tiga perkara-perkara asas dalam akidah. Ini melibatkan:

1. Mengesakan Allah dan memberikan sifat-sifat kesempurnaan kepadaNya serta menyucikannya dari segala kekurangan.
2. Mengemukakan bukti kebenaran kebangkitan semula dan kehidupan akhirat termasuk balasan pahala dan dosa.
3. Membuktikan kebenaran wahyu, kenabian dan perutusan para nabi dengan mukjizat yang berlawanan dengan adat.

Justeru setelah kita meneliti isi kandungan surah al-Rahma:n kita akan mendapati setiap objektif di atas telah diberikan penumpuan yang khusus.

Menurut al-Gharna:tiyy (1983:2:1063), beliau menjelaskan pengulangan frasa **فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ** adalah bertujuan memberi peringatan kepada mereka terhadap kepelbagaian bentuk nikmat yang diperolehi.

Memandangkan setiap nikmat yang dikemukakan dalam ayat ini mempunyai hubungan langsung yang signifikan dengan manusia maka Allah s.w.t menyenaraikannya satu persatu, bermula dari nikmat kejadian, pengetahuan, penciptaan makhluk-makhluk untuk kegunaan manusia seperti matahari dan bulan. Allah turut mengemukakan tentang nikmat kejadian buah-buahan seperti kurma yang membuka

lalu mencari rezeki buat manusia dan lain-lain. Daripada permulaan hingga yang terakhir kita dapati bahawa ayat-ayat pengulangan ini adalah dalam bentuk ayat tanya yang mengandungi makna yang tersirat di sebalik yang tersurat iaitulah celaan dan menyangkal (الإِنْكَارُ / التَّوْبِيخُ).

Nikmat-nikmat itu pada hakikatnya berbeza dari yang lain. Justeru ia memerlukan peringatan yang berbeza. Setiap kali frasa ini diulang, maka peringatan itu akan mengingatkan manusia kepentingan bersyukur kepada Allah. Ayat ini mempunyai kaitan yang rapat dengan firman Allah s.w.t menerusi ayat ke 7, surah Ibra:hi:m:



Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras”.

Meneliti pandangan para pentafsir al-Qur'an menerusi pandangan-pandangan yang direkodkan maka jelaslah pada kita bahawa pengulangan frasa (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا) pada penghujung setiap episod mengemukakan mesej yang jelas iaitulah bagi memberi peringatan kepada manusia agar bersyukur di atas nikmat-nikmatNya itu.

5.3 Penutup

Sebagai penutup, kita dapat membuat kesimpulan bahawa pengulangan ayat *فَبِأَيِّ آلَاءِ*

رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذَّبْتُمْ merupakan suatu bentuk pengukuhan terhadap perintah bersyukur. Antara

komentar yang menarik adalah apa yang disampaikan oleh al-Andalu:siyy (2001:8:189) dan al-Tha'a:libiyy (1997:5:349). Rumusan daripada apa yang mereka sepakati seperti yang dinyatakan oleh al-Andalu:siyy (2001:8:189) adalah : *“Pengulangan seperti ayat dalam surah al-Rahma:n ini adalah satu pendekatan dalam komunikasi yang biasa berlaku.Ia sama dengan pengulangan ayat dalam surah-surah yang lain, dan mempunyai objektif yang sama dengan pengulangan yang berlaku dalam ucapan-ucapan nabi s.a.w dalam hadis. Demikian pula pengucapan manusia melibatkan sajak-sajak yang digubah.Terdapat frasa-frasa yang diulang untuk menceritakan perkara-perkara yang berbeza-beza. Seperti yang dikatakan oleh al-Husayn bin al-Fadl, pengulangan ini dilakukan untuk mengelakkan kebosanan”*. Demikian ulasan mereka dalam mentafsir surah al-Rahma:n.

Bagi penulis tentulah al-Qur'an yang merupakan Kala:m Alla:h tidak boleh disamakan dengan kata-kata manusia yang terdedah kepada gangguan emosi, tekanan perasaan tetapi terdapat sedikit persamaan pada satu sudut iaitulah pengulangan berlaku agar sesuatu maklumat itu lebih difahami.

Selain itu, kita juga dapat memahami bahawa strategi pengulangan ayat **فَبِأَيِّ آلَاءِ**

رَبِّكُمْ **تُكَذِّبَانِ** yang berlaku secara bertalu-talu ini amat penting supaya manusia secara khususnya menghargai nikmat-nikmat yang diberikan itu, untuk diingati dan disyukuri. Mensyukuri dalam salah satu takrifannya adalah menggunakan setiap nikmat dalam perkara-perkara ketaatan. Selain itu bersyukur juga bermakna menjauhi perkara-perkara maksiat.

Penyebutan tentang nikmat-nikmatNya satu persatu juga merupakan pendekatan dalam pendidikan yang penting di mana Allah s.w.t telah memisahkan antara setiap dua nikmat dengan ungkapan yang mengandungi persoalan berbentuk celaan dan menyangkal perbuatan mereka yang tidak mengakui nikmat tersebut. Gaya berdialog seperti ini juga ada digunakan dalam percakapan manusia.

Al-Mara:ghiyy (1974:juz27:105) mengemukakan dalam tafsirnya sebuah contoh yang memudahkan kefahaman terhadap pengulangan. Kata beliau, apabila seseorang itu tidak mengenang budi yang pernah dicurahkan, maka yang memberi itu akan berkata kepadanya dengan nada mengungkit: *“Bukankah kamu dahulu fakir, lalu aku berikan kekayaan kepadamu. Adakah kamu mengingkari perkara ini ?Bukankah kamu dahulunya telanjang, lalu aku berikan kepadamu pakaian?Adakah kamu mengingkari perkara ini? Bukankah kamu dahulu terhina, lalu aku angkat kedudukanmu. Adakah kamu mengengkarinya?”*.

Jadi seolah-olah mesej yang dikemukakan dalam surah al-Rahma:n ini berbunyi:
“Bukankah Aku menciptakan manusia, dan mengajarnya bertutur, dan aku jadikan matahari dan bulan beredar mengikut hitungan, dan aku menjadikan berbagai pohon dan Aku ciptakan aneka buah-buahan dan Aku sebarluaskan pohon-pohon dan buah-buahan itu di desa ataupun di kota untuk manusia yang beriman mahupun yang kafir, lalu Aku siraminya dengan air hujan dan kadang-kadang dengan sungai-sungai. Adakah kamu mengingkari anugerah itu wahai jin dan manusia?”.

Tegasnya, ayat yang berupa peringatan agar jangan mengingkari atau menafikan itu dikemukakan disebabkan perbezaan bentuk nikmat yang berbeza dimulakan dengan hidayah diakhiri selepas penggal yang ke tiga puluh nikmat di akhirat iaitu syurga dan bidadari bagi yang mentaati perintahNya semasa di dunia.

Pengulangan ayat dalam satu dialog merupakan suatu fenomena pengukuhan yang biasa digunakan dalam setiap bahasa dunia. Penyebutan nikmat-nikmat, pengukuhan pertanyaan-pertanyaan seperti dalam surah ini mengandungi makna keagungan nikmat tersebut serta banyaknya manfaat yang diraih oleh penerimanya. Gaya bahasa seperti ini amat penting untuk meningkatkan tahap kepekaan kedua-dua golongan jin dan manusia agar menjadikannya lebih bersyukur. Dalam huraian perhitungan nikmat-nikmat itu mereka juga diberi peringatan tentang hukuman yang bakal dikenakan apabila mereka gagal menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Pemberitahuan tentang hukuman juga merupakan satu bentuk nikmat yang wajar disyukuri kerana ia menyebabkan mereka sedar lalu meninggalkan larangan.

Sebagaimana mereka ini wajar mensyukuri berbagai nikmat yang diberikan, demikian pula mereka dituntut mensyukuri pemberitahuan tentang azab yang diperuntukkan apabila seseorang itu gagal memenuhi tanggungjawabnya.

Penulis bersetuju dengan kesimpulan yang dikemukakan oleh Hamdi: Mahmud Zaqu:q (2002:86) apabila beliau berkata yang bermaksud: *“Nikmat yang dikemukakan dalam surah al-Rahma:n ini sebenarnya terdiri dari dua bentuk iaitu, penganugerahan kebaikan dan yang ke dua adalah keselamatan daripada ditimpa keburukan”*.

Ia adalah pemberitahuan “awal” yang diberikan oleh Allah s.w.t tentang azab siksa yang menanti golongan yang ingkar. Pemberitahuan awal tentang sesuatu hukuman yang akan dikenakan tentunya akan menyebabkan dia lebih berhati-hati. Justeru ini juga merupakan suatu kelebihan yang boleh menyebabkan seseorang terhindar dari dikenakan hukumanNya. Disamping itu pengulangan ini juga berperanan untuk mengancam manusia yang enggan bersyukur dan mematuhi perintah Allah s.w.t walaupun dia dikurniakan berbagai nikmat. Golongan seperti ini diberikan amaran yang tegas oleh Allah s.w.t bermula ayat ke-8, diikuti dengan ayat 31, ayat 33 menurut pandangan yang kuat bahawa ayat ini berlaku di akhirat, ayat 35, ayat 37, ayat 39, ayat 41, ayat 43 dan yang terakhir ayat 44. Golongan yang ingkar ini disifatkan sebagai



















mereka yang telah melampaui batas seperti yang dapat kita lihat menerusi ayat ke-8, yang bermaksud; “*Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan*”.



Sebahagian ulama menyatakan bahawa ke tiga puluh satu ayat tersebut terbahagi kepada empat kelompok huraian. Kelompok yang pertama adalah berkaitan dengan keajaiban ciptaan Allah s.w.t. yang terhampar di bumi dan langit serta kejadian dan kebangkitan. Perkara-perkara ini berada dalam lapan (8) penggal yang diselangi dengan pertanyaan *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ*. Seterusnya huraian kedua pula berkaitan dengan siksa neraka dan kedahsyatannya. Ini berada dalam tujuh (7) penggal yang diselangi dengan tujuh kali kali pengulangan *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ*. Huraian ke tiga pula berada dalam lapan (8) penggalan dikhaskan untuk gambaran tentang syurga dan berbagai nikmat yang terdapat dalamnya. Nikmat-nikmat ini juga diselangi dengan lapan kali pengulangan ayat *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ*. Dalam huraian ke empat yang terakhir Allah s.w.t menggambarkan tentang dua lagi syurga yang dikurniakan sebagai tambahan kepada nikmat syurga sebelumnya. Kedua-dua syurga ini adalah berbeza dari syurga yang telah disebutkan sebelumnya. Dalam huraian keempat ini juga terdapat lapan (8) penggalan yang diselangi setiap satunya dengan ayat *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ*.

Menerusi pandangan ini pembahagian ayat-ayat yang diselangi dengan suruhan berbentuk gaya ayat tanya dapat difahami dengan lebih jelas seperti dalam jadual 5.1 di


bawah ini.

**Jadual 5.1: Pembahagian Isu Yang Berkaitan
Dengan Pengulangan Ayat: فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ**


Bil	Kategori Huraian	Ayat-ayat	Tujuan
1.	Tanda-tanda Kekuasaan Allah	<p>  .1  .1 .2  .2 .3  .3 .4  .4 .5  .5 .6  .6 .7  .7 .8  .8 .9  .9 .10  .10 .11  .11 .12  .12 .13  .13 .14  .14 .15  .15 .16  .16 .17  .17 </p>	<p> Suruhan Agar Bersyukur Terhadap Aneka Nikmat Anugerah Allah s.w.t </p>

		<p style="text-align: right;">  </p>	
2.	Amaran tentang Siksa Dalam Neraka	<p>  </p>	<p> Arahan Secara Tidak Langsung Agar Tidak Melakukan Maksiat Kerana Pelaku Maksiat Ini Akan Menerima Hukuman Yang Keras Daripada Allah s.w.t </p>

		ᄇᄆᄆᄆ	
3.	Ayat-ayat Perintah Dan Suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ)	<p style="text-align: right;">.1</p> <p style="text-align: right;">.2</p> <p style="text-align: right;">.3</p> <p style="text-align: right;">.6</p> <p style="text-align: right;">.7</p> <p style="text-align: right;">.8</p> <p style="text-align: right;">.9</p> <p style="text-align: right;">.10</p>	Perintah agar Menjalankan Amanah Yang Dipertanggungjawabkan Dan Gesaan Untuk Memuji Allah s.w.t
4.	Deskripsi Syurga Untuk Golongan Yang Taat dan Nikmat-nikmat Dalam Syurga	<p style="text-align: right;">.1</p> <p style="text-align: right;">.2</p> <p style="text-align: right;">.3</p> <p style="text-align: right;">.4</p> <p style="text-align: right;">.5</p> <p style="text-align: right;">.6</p> <p style="text-align: right;">.7</p> <p style="text-align: right;">.8</p> <p style="text-align: right;">.9</p> <p style="text-align: right;">.10</p>	Motivasi agar manusia mengejar nikmat yang telah disediakan dalam keadaan jauh lebih baik daripada kesenangan dunia

		<p>  </p>	
--	--	---	--

Menerusi pembahagian di atas jumlah keseluruhan ayat yang teribat mengambil kira kategori ataupun jenis ayat adalah sebanyak empat puluh tujuh (47) ayat. Apabila dikira pengulangan ayat *فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذَّبَانِ* yang berulang sebanyak tiga puluh satu (31) dan dijumlahkan maka ia menghasilkan jumlah total sebanyak tujuh puluh lapan (78) ayat yang membentuk keseluruhan ayat-ayat surah al-Rahma:n. Pembahagian ini dapat difahami dengan lebih mudah mengikut carta di bawah:



Bil.	Keterangan	Jumlah Ayat	Peratusan (%)
1.	Ayat-Ayat Berkenaan Nikmat	47	61
2.	Ayat Pengulangan قَبَائِيَّ آلاءِ رَبِّكُمْ تَكْذِبَانِ	31	39
JUMLAH		78	100

Rajah 5.2: Carta Pembahagian Ayat-Ayat Dalam Surah al-Rahma:n

Dari sini amatlah wajar dan serasi sekali surah ini dinamakan sebagai ‘Aru:s al-Qur’an³ yang bermakna pengantin al-Qur'an menurut sebuah hadis yang diriwayatkan dari al-Baihaqiyy. Pemberian nama ini adalah disebabkan keindahan surah ini apabila berulangnya ayat (قَبَائِيَّ آلاءِ رَبِّكُمْ تَكْذِبَانِ) yang diibaratkan dengan aneka rupa hiasan yang dipakai oleh seseorang pengantin.

Secara ringkasnya surah al-Rahma:n yang telah berulang dalamnya perintah agar jangan mengingkari pemberian ini menghimpunkan 7 perkara yang menjadi asas nikmat dan kehidupan iaitu:

1. Dia mengajarkan al-Qur'an dan hukum-hukum syariat yang bertindak sebagai petunjuk kepada makhlukNya. Berpegang kepadanya menyebabkan mereka mampu mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.
2. Dia telah menjadikan manusia dalam bentuk yang terbaik dan membekalkannya dengan akal dan pengetahuan.

³ Hadis yang dimaksudkan itu bermaksud: “Bagi setiap sesuatu itu ada pengantinnya dan pengantin bagi al-Qur’a:n adalah surah al-Rahma:n”. Hadis ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqiyy dalam Syu‘ab al-I:ma:n no 2494. Hadis ini juga disebutkan oleh para pentafsir, contohnya al-Sa:bu:niyy pada bahagian mukadimah tafsir surah al-Rahma:n. Terdapat di kalangan para ilmuan, termasuk penyelia tesis ini yang mencadangkan agar diterjemahkan sebagai pasangan, sebagai ganti kepada pengantin. Wallahu a’lam.

3. Dia telah mengajar manusia kemahuan untuk berkata-kata dan memberi kefahaman kepada manusia. Kefahaman itu pula tidak akan sempurna kecuali dengan adanya jiwa dan akal.
4. Dia telah menjadikan matahari, bulan dan bintang-bintang yang bergerak dengan sistem yang tersusun bagi memenuhi keperluan dunia dan agama bagi manusia.
5. Allah s.w.t telah menjadikan tanaman dan buah-buahan supaya manusia memanfaatkannya untuk tujuan makanan dan kehidupan.
6. Allah s.w.t telah menjadikan langit itu tinggi dan mendirikannya dengan hikmat dan sistem yang rapi.
7. Allah s.w.t telah menciptakan bumi ini dengan segala isi kandungannya berupa kurma, buah-buahan dan biji-bijian yang mempunyai mayang dan tumbuh-tumbuhan yang berbau harum.

Kekuatan fakta-fakta dan fenomena-fenomena yang Allah s.w.t dipersembahkan dalam bentuk dialog secara pengulangan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) bagi memenuhi matlamat-matlamat berikut :

1. Pembuktian. Ini bertujuan membawa pembaca merenung dan merumuskan sendiri kebenaran yang sedang dicari. Ini dapat dilihat menerusi ayat-ayat yang menjelaskan kekuasaan Allah s.w.t yang disenaraikan dalam jadual di atas.
2. Kecaman, ancaman dan sindiran. Ia ditujukan khas kepada muslim yang

membaca al-Quran tetapi masih melakukan maksiat. Tujuannya adalah mereka mesti menghindarkan diri daripada perbuatan maksiat. Sebabnya adalah jelas kerana Allah s.w.t juga pernah memberikan amaran kepada orang beriman bahawa merekapun akan dihukum dengan azab sekiranya engkar. Ini dapat dilihat menerusi firmanNya dalam surah Ali 'Imra:n ayat ke 130-131, yang bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya. Dan peliharalah diri kamu dari api Neraka, yang disediakan bagi orang-orang kafir.

Menurut satu riwayat oleh Ibn Jari:r (1995:3:120), walaupun ayat ini memfokuskan kepada larangan terlibat dengan riba: yang diharamkan samada dalam kuantiti yang sedikit ataupun banyak, ia juga memberikan amaran kepada para muslimin bahawa melakukan maksiat juga boleh menyebabkan seseorang muslim dimasukkan ke dalam neraka. Jadi ada kebarangkalian mereka yang beriman turut mengalami siksaan di akhirat.

3. Tanya jawab. Setiap kali Allah s.w.t mengemukakan soalan berbentuk pengulangan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) dalam surah ini, ia mengandungi maksud الْإِنكَارِ / al-Inka:r (gaya bahasa tanya yang bertujuan untuk

menyangkal sesuatu) dan dalam masa yang sama ia mengandungi makna التَّوْبِيحُ/al-Tawbi:kh (gaya bahasa tanya yang bertujuan mengejek atau mencela).Setiap kali pengulangan ini dikemukakan ia akan diikuti .

Perkara ini yang telah dikemukakan oleh Ab Qa:hir al-Jurja:niyy dalam teori Nazm (نَظْمِيَّةُ النَّظْمِ) yang beliau kemukakan dalam kitab Dala`il al-I`ja:z bahawa kekuatan yang ada pada ayat-ayat dalam surah ini dan surah-surah yang lain adalah terletak pada : Pertama, mendatangkan fakta-fakta yang mengandungi makna yang telah sedia ada dalam fikiran.Kedua, mendatangkannya dalam bentuk ayat yang kukuh dengan pemilihan perkataan yang tepat dan ayat yang sempurna tanpa boleh ditambah selainnya ataupun dikurangkan sedikitpun.

Perkara ini juga telah dikemukakan oleh Sayyid Qutb dalam al-Taswi:r al-Fanniyy Fi: al-Qur'an bahawa setiap perkataan dan struktur ayat serta cerita yang terdapat dalam al-Qur'an ini menyumbang untuk menggambarkan inti al-Qur'an itu sendiri laksana sebuah lukisan yang mampu disaksikan oleh mata dan dirasai oleh indera.Kekuatan yang dimaksudkan sebagai I`ja:z al-Qur'an ataupun lebih senang dipanggil oleh Sayyid Qutb sebagai al-Taswi:r al-Fanniyy dalam surah al-Rahma:n yang pengulangan merupakan salah satu ciri yang paling jelas dalamnya ini telah mampu melukiskan secara terang isi kandungannya.

Pengulangan ayat (فَبِأَيِّ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ) ini ternyata bukan sahaja berperanan

sebagai batas yang memisahkan satu huraian daripada yang lain yang memperjelaskan hakikat nikmat yang berbeza daripada yang lain, malah lebih daripada itu kehadirannya secara berulang-ulang merupakan suatu pendekatan yang menyempurnakan rupa bentuk I'ja:z al-Qur'an untuk memenuhi kebanyakan daripada tema ataupun objektif (مَقَاصِدُ) al-Qur'an.

Menurut Yu:suf al-Qardawiy (1999:107) tema ataupun objektif I'ja:z al-Qur'an ini terdiri daripada tujuh perkara iaitu, pertama: memperbetulkan akidah, kedua: menetapkan kemuliaan manusia dan hak-haknya, ketiga: menyembah Allah s.w.t dan bertaqwa kepadaNya, keempat: membersihkan jiwa manusia, kelima: membentuk keluarga dan berlaku baik kepada para wanita, keenam: membentuk umat yang menjadi saksi bagi manusia dan yang ketujuh iaitu mengajak membangunkan dunia berasaskan sikap tolong menolong sesama manusia.

Menerusi bab ketiga yang lalu juga, penulis telah menghuraikan pandangan al-Butiyy yang mengatakan bahawa salah satu aspek I'ja:z al-Qur'a:n adalah kekuatan mesej akidah yang benar yang diutarakannya. Walaupun surah ini mengemukakan berbagai perkara sama ada yang telah dilalui manusia dan perkara-perkara yang belum dilalui, namun kepelbagaian ini tidak menjejaskan kesatuan objektif dan tema, yang menjadi asas penting pengukuhan akidah tauhid dalam diri. Penceritaan dan gambaran nikmat dan azab di akhirat yang dikemukakan dalam surah ini adalah bertujuan memberikan kesedaran kepada pembaca al-Qur'an terhadap kesedaran bersyukur di atas

anugerah-anugerah Allah s.w.t.